



PARLIMEN KELIMA BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG**

**TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL PERJANJIAN
KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS
NEGARA (DR.7/2023)**

DR. 9 TAHUN 2024



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] | -Pengerusi |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] | -Naib Pengerusi |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | -Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

MUKA SURAT 2 - 4

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 5 - 8

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 9 - 30


**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 30

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN



**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN
OBLIGASI SOSIAL-
PERJANJIAN KONSESI
PENGURUSAN INDUSTRI
PADI DAN BERAS NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

DAN

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL PERJANJIAN KONSESI
PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.7/2023) bertajuk Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), pada 11 Oktober 2023.
- 1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan lapan (8) syor yang perlu diambil tindakan oleh KPKM iaitu:
- i. Kerajaan perlu mengkaji alternatif dalam menjamin kestabilan industri beras negara bagi mengelakkan kebergantungan kepada perjanjian konsesi BERNAS sekali gus mendorong ke arah pasaran terbuka beras.
 - ii. KPKM perlu memantau Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS bagi memastikan segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.
 - iii. KPKM hendaklah memastikan BERNAS menyalurkan dana obligasi tepat pada masanya selaras dengan perjanjian konsesi BERNAS.
 - iv. KPKM, BERNAS dan JPN perlu segera mengintegrasikan dan mengemas kini pangkalan data pesawah bagi memastikan pembayaran SSHP dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur.
 - v. KPKM dan BERNAS perlu segera membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah bagi memastikan keberkesanan penggunaan Sistem Kad Pintar pesawah.
 - vi. KPKM dan BERNAS perlu menyediakan Laporan Prestasi KPI secara bersama dengan lebih tepat, telus dan realistik berdasarkan prestasi pengurusan ladang yang sebenar.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)*

- vii. KPKM dan BERNAS hendaklah memastikan jentera dan mekanisasi disenggara dengan baik bagi membolehkan ia digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa.
 - viii. KPKM hendaklah menguatkuasakan remedi iaitu dengan menuntut penalti yang berkaitan, berhubung dengan kegagalan syarikat konsesi mematuhi obligasinya selaras dengan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Ini termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan pembayaran RM25 juta dana obligasi sosial mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 1.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) 304 (b), tindakan susulan perlu diambil oleh KPKM selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 1.4 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-Syor Laporan PAC Terhadap Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), kepada PAC pada 10 November 2023.
- Seterusnya, pada 4 Mac 2024, MOF dan KPKM sekali lagi telah menghantar Laporan Tindakan Susulan Muktamad MOF dan KPKM Terhadap Syor-syor Laporan PAC Parlimen.
- 1.5 Sehubungan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 11 Mac 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR. 7/2023)

- i. Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) 304 (b);
- ii. PM 77 (1) (d) PPMMDR;
- iii. PM 83 (2) PPMMDR; dan
- iv. Seksyen 5 (3) (b), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

1.6 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen - DR. 7/2023 diringkaskan seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	11 Oktober 2023/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	10 November 2023	Laporan Tindakan Susulan Interim - Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (DR. 7/2023) telah dikemukakan oleh MOF
3.	4 Mac 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (DR. 7/2023) telah dikemukakan oleh MOF
4.	11 Mac 2024/ 2.30 petang	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 7/2023)</p> <p>Saksi:</p> <p>i. Kementerian Kewangan Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) (Pelaburan) <p>ii. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha (KSU); dan - YBhg. Datuk Azman Mahmood, Ketua Pengarah (KP) Kawal Selia Padi dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras.

2. PENDAHULUAN

2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Oktober 2020 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk melanjutkan perjanjian penswastaaan konsesi pengurusan industri padi dan beras negara. Perjanjian konsesi ketiga (perjanjian konsesi) ini berkuat kuasa bagi tempoh 10 tahun, iaitu bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031 dengan kos keseluruhan sejumlah RM3.216 bilion untuk melaksanakan 10 obligasi sosial. Senarai 10 obligasi adalah seperti berikut:

OBLIGASI	OBLIGASI SOSIAL	OBJEKTIF/PENGUKURAN
1	Mengurus stok penimbal beras negara sebanyak 290,000 tan metrik (MT)	<ul style="list-style-type: none"> Memelihara, mengekalkan dan mengurus kuantiti stok penimbal beras negara sepanjang masa atau stok beras seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Kerajaan. Memastikan stok penimbal beras negara sentiasa berada dalam keadaan baik mengikut standard kualiti di pasaran.
2	Pembeli padi terakhir dengan harga minima terjamin	<ul style="list-style-type: none"> Pembelian padi oleh syarikat konsesi daripada mana-mana pesawah pada harga tidak kurang daripada <i>Government Recommended Price</i> (GRP) atau <i>Government Minimum Price</i> (GMP) yang mana lebih tinggi di pusat belian dan kilang yang dibangunkan. Pada masa ini, GMP ditetapkan pada kadar RM1,200 per tan metrik.
3	Mengurus pembayaran subsidi harga padi	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan dan melakukan pembayaran subsidi di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mengikut kadar yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Syarikat konsesi akan memperuntukkan RM17 juta sepanjang tempoh konsesi bagi tujuan menguruskan pembayaran skim subsidi harga padi bagi pihak Kerajaan serta menaik taraf dan menyenggara sistem sedia ada termasuk pembangunan sistem kad pintar petani.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)

4	Mengurus skim pengilang, pemborong bumiputera dan koperasi petani	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan program-program pembangunan bumiputera dalam rantaian industri bagi membantu pengilang, pemborong dan koperasi petani. • Syarikat konsesi akan memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta untuk pelaksanaan skim sepanjang tempoh konsesi. • Pengilang padi – RM60 juta (RM6 juta setahun). • Pemborong & Koperasi Padi – RM40 juta (RM4 juta setahun).
5	Memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera ladang dan mekanisasi padi	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan memperuntukkan RM40 juta sepanjang tempoh konsesi atau RM4 juta setahun untuk tujuan penggantian dan pembelian mesin penuai, traktor dan/atau mesin pertanian yang berkaitan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan kepada pesawah tempatan.
6	Membangunkan sawah berskala besar serta padi dan beras istimewa tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan melabur RM100 juta untuk pembangunan Program Pertanian Skala Besar. • Tumpuan juga diberikan kepada pembangunan padi dan beras bernilai tinggi seperti beras wangi, beras pulut dan beras rebus (<i>parboiled</i>).
7	Menyediakan peruntukan bagi program Pembangunan <i>Stokpile</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan menyumbang sebanyak RM20 juta sepanjang tempoh konsesi atau RM2 juta setahun untuk tujuan program Pembangunan <i>Stokpile</i>.
8	Menyediakan peruntukan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan menyumbang RM100 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi sepanjang tempoh konsesi.
9	Menyediakan peruntukan pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan menyumbang RM22 juta untuk sistem maklumat industri padi dan beras yang akan dibangunkan oleh KPKM.
10	Menyediakan peruntukan bagi pembangunan nutrisi tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat konsesi akan menyumbang sebanyak RM40 juta untuk pengurusan profil dan nutrisi tanah.

Sumber : Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021, Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

2.2 Syarikat konsesi telah diberikan hak tunggal untuk mengimport beras dari luar negara. Dasar ini dilaksanakan bagi melindungi industri strategik negara terutamanya dalam menyediakan sumber bekalan makanan utama iaitu beras.

Sebagai balasan, perjanjian konsesi mensyaratkan syarikat konsesi hendaklah dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, membuat perbelanjaan modal, bayaran sekali sahaja dan perbelanjaan mengurus sebagai obligasi sosial. Antara obligasi sosial yang ditetapkan berbentuk sumbangan kewangan dan aset untuk industri padi dan beras, pengurusan bayaran subsidi harga padi dan pembekalan jentera ladang serta mekanisasi padi.

2.3 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah mengenai Dana Obligasi Sosial; Skim Subsidi Harga Padi; dan Pembangunan Sistem.

2.4 Oleh itu, PAC telah membincangkan isu ini pada 14 Jun 2023 melalui dua (2) prosiding iaitu Pra-Prosiding Parlimen Bilangan 2 Tahun 2023 dan Prosiding Parlimen 2 (a) Tahun 2023 bertujuan untuk mengkaji serta meneliti sama ada terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mematuhi undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. LAWATAN VERIFIKASI TERHADAP TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL

3.1 Susulan daripada laporan tindakan susulan interim yang telah dikemukakan oleh pihak KPKM, dua (2) sesi lawatan verifikasi telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung status semasa tatacara pengurusan mekanisasi ladang, Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan program *Smart* Sawah Berskala Besar (Smart-SBB) yang dilaksanakan oleh pihak BERNAS di lapangan.

3.2 Sesi lawatan verifikasi ini telah melibatkan penyertaan pegawai daripada MOF, Sekretariat PAC Parlimen dan diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP), KPKM. Lawatan ini turut disertai oleh wakil Kawalselia Padi dan Beras (KPB) negeri Kelantan, Terengganu dan Sabah dan Kawasan Pembangunan

Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak, Kelantan; Ketara, Terengganu; dan Kota Belud, Sabah.


3.3 Butiran sesi lawatan verifikasi yang melibatkan lawatan fizikal, semakan dokumen dan temu ramah dengan pihak yang berkaitan adalah seperti berikut:

a. Lawatan verifikasi pada 16 November 2023:

- i. Kilang Padi BERNAS Peringat, Pasir Puteh, Kelantan; dan
- ii. Kilang Padi BERNAS Bukit Kenak, Besut, Terengganu.

b. Lawatan verifikasi pada 4 Disember 2023:

- i. Program *Smart* Sawah Bersekala Besar (SMART SBB) Kota Belud, Sabah;
- ii. Pusat Belian Padi di Kilang Padi Sri Dusun dan Kilang Padi Sri Sino di Kota Belud, Sabah bagi pengurusan sistem Kad Pintar Pesawah yang terlibat Program Skim Subsidi Harga Padi (SSHP); dan
- iii. Gudang Stok Penimbal Beras Kerajaan di Telipok, Kota Kinabalu, Sabah.



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC BAGI
(DR.7/2023)**

4. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 7/2023)

4.1 Syor 1: Kerajaan perlu mengkaji alternatif dalam menjamin kestabilan industri beras negara bagi mengelakkan kebergantungan kepada perjanjian konsesi BERNAS sekali gus mendorong ke arah pasaran terbuka beras.

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.1.1 Dasar pengimport merupakan mekanisme “*gatekeeping*” yang berfungsi sebagai benteng bagi melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan kedudukan pasaran antarabangsa.
- 4.1.2 Dasar pengimport utama turut diamalkan di negara-negara Asia yang lain seperti Indonesia, Filipina, Vietnam, Cambodia, Pakistan dan China. Dasar pengimport utama ini dilaksanakan melalui syarikat milikan kerajaan (*state trading enterprise*) seperti Badan Umum Logistik (BULOG) di Indonesia dan *National Food Authority* (NFA) di Filipina.
- 4.1.3 Kerajaan melalui KPKM, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berunding dengan BERNAS dan bersetuju dengan terma, syarat dan perincian kos perjanjian konsesi sebanyak RM3.216 bilion bagi melaksanakan 10 Obligasi Sosial mengikut pecahan seperti berikut:
- a) Pengurusan Stok Penimbal Beras Negara;
 - b) Harga minimum dijamin oleh BERNAS sebagai pembeli pilihan terakhir;
 - c) Pengurusan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP);

- d) Pengurusan Skim Pengilang Padi, Pemborong Beras dan Skim Koperasi Bumiputera;
- e) Peruntukan Dana untuk Mesin dan Mekanisasi Ladang;
- f) Pembangunan Pertanian Skala Besar dengan Varieti Padi Istimewa;
- g) Peruntukan Dana untuk Skim Stokpail Benih Padi Negara;
- h) Dana Bencana Tanaman Padi;
- i) Pembangunan Sistem Maklumat Padi dan Beras; dan
- j) Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah.

4.1.4 Pelaksanaan konsesi ini memberi penjimatan kepada Kerajaan termasuk penjimatan kos operasi bagi melaksanakan obligasi sosial dalam industri padi dan beras sebanyak RM223.7 juta setahun.

4.1.5 BERNAS diberi hak selaku pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran beras dalam negara seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

4.1.6 Kerajaan juga memperolehi bayaran dalam bentuk *one-off* dan sumbangan termasuk pembelian tambahan beras stok penimbal beras Kerajaan sebanyak 140,000 tan metrik dengan anggaran kos sebanyak RM250 juta menggunakan peruntukan BERNAS.

4.1.7 Selain itu, YAB Perdana Menteri pada Disember 2022 telah mengumumkan tambahan sumbangan RM60 juta daripada BERNAS untuk diagihkan kepada 240,000 orang pesawah di seluruh negara.

4.1.8 Di samping itu, semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa BERNAS akan berkongsi 30 peratus

keuntungan bersih jualan beras import untuk diagihkan kepada pesawah seluruh negara.

- 4.1.9 Pada masa ini, KPKM meyakini bahawa dasar pengimport utama beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah kaedah yang terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang. Namun demikian, pihak Kerajaan melalui KPKM terus melaksanakan semakan dan penambahbaikan terhadap perkara ini khususnya bagi memastikan kepentingan Kerajaan, pesawah dan pengguna sentiasa dilindungi dan terjamin.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa KPKM bersama dengan MOF, KE dan UKAS sedang menyediakan pelan tindakan yang baharu bagi ekosistem padi dan beras negara yang akan dibentangkan ke mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 20 Mac 2024.

Ulasan PAC

KPKM perlu memastikan setiap obligasi sosial yang dipersetujui oleh BERNAS dan Kerajaan dalam perjanjian konsesi dipatuhi sepanjang tempoh konsesi tersebut. Selain itu, KPKM perlu mempertimbang segala aspek dalam penyediaan pelan tindakan yang baharu bagi ekosistem padi dan beras negara supaya kepentingan Kerajaan, pesawah dan pengguna sentiasa dilindungi dan terjamin.

- 4.2 Syor 2: KPKM perlu memantau Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS bagi memastikan segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.**

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.2.1 Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS telah diwujudkan pada 14 Julai 2023 dengan kod akaun L1212909 untuk mengakaunkan terimaan daripada empat (4) obligasi sosial perjanjian konsesi BERNAS seperti berikut:
- a) Obligasi 7 – Menyediakan Peruntukan bagi Program Pembangunan Stok Penimbal Benih Padi Negara;
 - b) Obligasi 8 – Menyediakan Peruntukan Bantuan Bencana Tanaman Padi;
 - c) Obligasi 9 – Menyediakan Peruntukan Pembangunan Sistem Maklumat Padi dan Beras; dan
 - d) Obligasi 10 – Menyediakan Peruntukan bagi Program Pengurusan Nutrien Tanah Sawah.
- 4.2.2 Baki sebanyak RM27,318,752.18 telah dipindahkan daripada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) Dana Obligasi Sosial BERNAS kepada Akaun Amanah tersebut pada 18 Julai 2023.
- 4.2.3 Seterusnya selaras dengan perjanjian, BERNAS telah menyalurkan sebanyak RM7,000,000.00 pada 12 Oktober 2023 untuk dana Obligasi 7 dan 8. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah terkini akaun Amanah tersebut adalah sebanyak RM34,318,752.18.
- 4.2.4 Pemantauan dari aspek penyaluran dan penggunaan dana dipantau menerusi Jawatankuasa (JK) Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang dipengerusikan oleh KSU KPKM. Ahli-ahli JK terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPKM; Setiausaha Bahagian (SUB) Kewangan, KPKM; SUB Akaun, KPKM; SUB Pengurusan Maklumat, KPKM; Penasihat Undang-undang, KPKM; Ketua Penolong Pengarah

Belanjawan Negara, MOF; Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian (DOA); Ketua Pengarah MARDI; dan SUB Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP), KPKM sebagai setiausaha JK. Manakala, Seksyen BPIP, KPKM dipertanggungjawabkan untuk memantau dan mengurussetiakan JK tersebut.

- 4.2.5 Selaras dengan klausa dalam Surat Ikatan Amanah bahawa Mesyuarat JK Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan. Sebanyak tiga (3) mesyuarat JK telah diadakan seperti berikut:

Tahun	Bil.	Tarikh
2023	1	13 Jun 2023 (Selasa)
	2	20 Oktober 2023 (Jumaat)
	3	28 Disember 2023 (Khamis)

- 4.2.6 Terkini sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS pada tarikh-tarikh seperti jadual di atas telah diadakan bagi memastikan segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.

Ulasan PAC

KPKM perlu memastikan akaun amanah dana obligasi sosial diselenggara dengan baik serta segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.

- 4.3 Syor 3: KPKM hendaklah memastikan BERNAS menyalurkan dana obligasi tepat pada masanya selaras dengan perjanjian konsesi BERNAS.**

Maklum Balas KPKM/BERNAS

4.3.1 Kementerian memantau pematuhan BERNAS terhadap penyaluran dana obligasi seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi melalui mekanisme seperti berikut:

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan (*Monitoring Committee*) Konsesi BERNAS yang diadakan dua (2) kali setahun dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM dan ahli-ahli daripada Kementerian Kewangan (MOF), KE, UKAS JPM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), wakil BERNAS dan wakil Industri; dan
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS yang turut diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM. Keahlian adalah seperti perkara 4.2.4.

4.3.2 Senarai mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan (*Monitoring Committee*) Konsesi BERNAS yang diadakan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil.	Tarikh
2021	1	8 Mac 2021 (Isnin)
	2	13 Ogos 2021 (Jumaat)
2022	1	8 Mac 2022 (Selasa)
	2	3 November 2022 (Khamis)
2023	1	3 Mac 2023 (Khamis)
	2	16 November 2023 (Khamis)

4.3.3 Manakala perkara berkaitan penyaluran dana obligasi sosial terlibat akan diputuskan dan dipantau menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS yang turut diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Akaun Amanah ini juga tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

4.3.4 Senarai mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil.	Tarikh
2023	1	13 Jun 2023 (Selasa)
	2	20 Oktober 2023 (Jumaat)
	3	28 Disember 2023 (Khamis)

4.3.5 Berdasarkan perjanjian konsesi, BERNAS telah menyalurkan dana obligasi sosial tujuh (7) dan lapan (8) seperti jadual yang telah ditetapkan melalui Appendix G-vi perjanjian Konsesi. Manakala penyaluran dana obligasi sosial sembilan (9) dan 10 masih belum disalurkan atas faktor perbezaan tafsiran penyaluran daripada pihak BERNAS dan Kementerian. Walau bagaimanapun, pihak BERNAS telah menjawab surat peringatan kedua oleh KPKM pada 24 Januari 2024, kini akur untuk menyalurkan dana tersebut dalam tempoh terdekat. Jumlah penyaluran dana obligasi tujuh (7) dan lapan (8) adalah seperti perkara 4.2.3.

4.3.6 Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat dilaksanakan oleh Unit Pemantauan dan Penyelarasan serta Unit Kewangan BPIP, KPKM.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa terkini Jawatankuasa Pemantauan (*Monitoring Committee*) telah bermesyuarat pada 7 Mac 2024. Dalam mesyuarat tersebut didapati beberapa obligasi telah dilaksanakan melalui *Key Performance Indicator* (KPI) yang

ditentukan. Bagaimanapun KPI-KPI tersebut perlu disemak dan disahkan oleh Bahagian Pengurusan Padi dan Beras, KPKM bagi memastikan ketepatannya.

Ulasan PAC

KPKM perlu sentiasa memantau penyaluran dana obligasi terutama bagi Dana Obligasi 9 dan 10 supaya mengikut ketetapan perjanjian konsesi. Pada masa sama, KPKM perlu menyemak dan mengesahkan pencapaian KPI yang ditetapkan bagi tujuan penyaluran dana obligasi dengan segera.

- 4.4 Syor 4: KPKM, BERNAS dan JPN perlu segera mengintegrasikan dan mengemas kini pangkalan data pesawah bagi memastikan pembayaran SSHP dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur.**

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.4.1 Bahagian Pembangunan Industri Padi dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat KPKM sedang melaksanakan proses awal perancangan pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras iaitu Sistem *Smart* Padi. Pembangunan sistem ini akan menggunakan peruntukan di bawah obligasi sembilan (9) Dana Untuk Padi dan Sistem Maklumat Pembangunan Industri Beras. Sejumlah RM22,000,000.00 diperuntukkan kepada Kerajaan bagi pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras.
- 4.4.2 Pembangunan Sistem *Smart* Padi merangkumi data pesawah, keluasan kawasan tanaman padi, pengagihan input pertanian subsidi dan pengurusan sistem industri padi dan beras. Melalui sistem ini, pengakalan data pesawah akan diintegrasikan dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah dimasukkan dalam *need of statement* Sistem *Smart* Padi. Mesyuarat Penyelarasan Semakan Data Pesawah antara KPKM dan JPN dirancang pada 26 Februari 2024.

- 4.4.3 Susulan daripada teguran audit dan syor yang dikemukakan oleh pihak PAC Parlimen, pihak KPKM dan BERNAS telah melaksanakan semakan silang dengan JPN semua data pesawah dalam *Domestic Operation Application* (DOA) milik BERNAS dalam pengurusan SSHP secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali setahun. Pengesahan status pesawah merupakan salah satu komponen penting dalam Kad Pintar Pesawah (KPP) yang telah digunakan sepenuhnya mulai tahun 2023. Penggunaan KPP ini bagi menggantikan Kad Daftar Pesawah (KDP) sedia ada. Pengurusan sistem KPP menjadi lebih mudah, cekap dan sistematik. Semakan KPP boleh disemak oleh pesawah di Pengkalan Subsidi atau tempat semakan KPP (seperti di PPK, Balai Raya, Dewan Orang Ramai dsb).
- 4.4.4 Pembayaran kepada waris pesawah adalah dibenarkan menurut SOP sedia ada. Namun, penambahbaikan SOP pembayaran SSHP sedia ada berkaitan prosedur pembayaran sekiranya pesawah telah meninggal dunia telah ditambahbaik bagi memperketatkan lagi sistem pembayaran kepada waris.
- 4.4.5 Semakan rekod SSHP dengan data JPN telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali sejak tahun 2022. Hasilnya, sehingga 30 Jun 2023, jumlah pesawah aktif terkini adalah sebanyak 111,222 orang yang telah berjaya dikemaskini dalam rekod SSHP melibatkan maklumat daftar pesawah, jualan padi dan maklumat jualan kilang padi.
- 4.4.6 Di samping itu, para pesawah juga sentiasa diingatkan melalui medium hebahan atas talian untuk mengemaskini maklumat masing-masing setiap enam (6) bulan sekali (setiap musim) melalui semakan sendiri menerusi pejabat BERNAS berhampiran di negeri. BERNAS turut mewujudkan aplikasi Telegram dalam talian "INFO SUBSIDI BERNAS" sebagai medium hebahan info-info BERNAS kepada pesawah mulai Ogos 2022.

- 4.4.7 Pada masa yang sama, KPKM turut melaksanakan sesi libat urus bersama jabatan dan agensi yang mempunyai sistem sedia ada berkaitan padi dan beras seperti Jabatan Pertanian (DOA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), BERNAS dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Sesi ini bertujuan bagi pengumpulan data *need of statement* Sistem *Smart* Padi.
- 4.4.8 Pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melalui Jawatankuasa Induk Pemantauan SSHP dipengerusikan oleh Ketua Pengarah KPB dan Jawatankuasa Pemantauan SSHP Peringkat Negeri dipengerusikan oleh KPB Negeri.
- 4.4.9 Status perancangan dan jadual pelaksanaan Sistem *Smart* Padi adalah seperti berikut:
- i. Libat urus dengan kumpulan sasaran (Julai 2023 hingga Disember 2023);
 - ii. Kajian Pasaran (Januari 2024 hingga April 2024)
 - Sesi perbincangan bersama Pihak SIRIM Berhad (18 Januari 2024);
 - iii. Pembentukan Jawatankuasa Kerja/Teknikal/Pemandu (Mac 2024);
 - iv. Kelulusan Projek Jawatankuasa Teknikal ICT (Jun 2024 hingga Ogos 2024);
 - v. Proses perolehan (September 2024 hingga Februari 2025);
 - vi. Pembangunan sistem (Mac 2025 hingga Jun 2026);
 - vii. Latihan *Train The Trainers* (Mei 2026 hingga Jun 2026);
 - viii. Latihan Pengguna (Julai 2026 hingga Jun 2026);
 - ix. PAT (*portable Appliance System*) & FAT (*Fixed Appliance Testing*) (September 2026 hingga Oktober 2026);
 - x. Penambahbaikan sistem (November 2026 hingga November 2027); dan
 - xi. Sistem dijangka akan siap digunakan pada Disember 2027.

4.4.10 Status perancangan dan jadual pelaksanaan Sistem *Soil Profiling* adalah seperti berikut:

- i. Perbincangan keperluan sistem bersama agensi terlibat (Februari-April 2024);
- ii. Kajian pasaran (Mei-Julai 2024);
- iii. Pembentukan Jawatankuasa Kerja/Teknikal/Pemandu (Ogos 2024);
- iv. Kelulusan Projek Jawatankuasa Teknikal/ICT (September-November 2024);
- v. Proses Perolehan (Disember 2024-Mei 2025);
- vi. Pembangunan sistem (Jun 2025-November 2026);
- vii. Latihan *Train The Trainers* (Disember 2026-Januari 2027);
- viii. Latihan Pengguna (Februari-Mac 2027);
- ix. PAT (*Portable Appliance System*) & FAT (*Fixed Appliance Testing*) (April-Mei 2027);
- x. Penambahbaikan sistem (Jun 2027-Mei 2028); dan
- xi. Sistem siap digunakan (Jun 2028).

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa sesi libat urus dan semakan telah dilaksanakan pada 31 Januari 2023, 24 Mei 2023 dan 7 Februari 2024. Semak silang telah dilaksanakan dengan data-data daripada JPN dan segala tindakan pembetulan telah diambil.

Ulasan PAC

Pembangunan sistem SMART Padi perlu disegerakan dan diawalkan penggunaannya berbanding perancangan KPKM dan BERNAS bagi memastikan data pesawah berintegriti sekali gus, membolehkan pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur.

4.5 Syor 5: KPKM dan BERNAS perlu segera membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah bagi memastikan keberkesanan penggunaan Sistem Kad Pintar pesawah.

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.5.1 Pembangunan Sistem Maklumat Padi (*SMART PADI*) serta Sistem Pengurusan Profil Dan Nutrisi Tanah merupakan satu inisiatif bersepadu yang melibatkan pelbagai Jabatan atau Agensi berkaitan pertanian dan infrastruktur seperti DOA, MADA, KADA, LPP, BERNAS dan NAFAS.
- 4.5.2 Pada masa ini, KPKM masih dalam peringkat pengumpulan *need of statement* menerusi sesi libat urus bersama Jabatan/agensi berkaitan seperti di perkara 4.4.7 bagi mendapatkan input dan memastikan keperluan sistem tersebut dipenuhi.
- 4.5.3 Pembangunan sistem ini diurusetikan oleh Unit Dasar, Seksyen Industri Padi, Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM.
- 4.5.4 Sehingga Januari 2024, antara gerak kerja berkaitan pembangunan sistem ini yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Aktiviti
1.	2 Mac 2023	Mesyuarat Membincangkan Pembangunan Sistem Pengkalan Data Bersepadu Padi dan Beras (<i>Smart Padi</i>)
2.	3 April 2023	Sesi perbincangan berhubung skop dan keperluan sistem, penubuhan jawatankuasa dan penyediaan <i>timeline</i> pelaksanaan projek bersama Bahagian Pembangunan Maklumat (BPEM), KPKM

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)

3.	4 April 2023	Sesi perbincangan susulan bersama BPEM, KPKM serta pembentangan oleh Kawal Selia Padi Beras (KPB) berhubung sistem e-Lesen
4.	13 Jun 2023	Pembentangan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berhubung <i>Paddy Implementation and Monitoring System</i> (PIMOS)
5.	14 Julai 2023	Pembentangan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berhubung Sistem e-Padi
6.	4 September 2023	Pembentangan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berhubung sistem i-Padi dan pembentangan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhubung sistem SPIM
7.	30 Oktober 2023	Pembentangan oleh PadiBeras Nasional berhubung Sistem <i>Domestic Operation Application</i> (DOA) KPKM.
8.	17 Januari 2024	Sesi perbincangan lanjut bersama BPEM, KPKM berhubung cadangan pelantikan juruperunding sistem <i>Smart Padi</i> .

4.5.5 Status pembangunan sistem *Soil Profiling* seperti di perenggan 4.4.10.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa pada 7 Mac 2024, mesyuarat *kick-off* teknikal telahpun dilaksanakan. KPKM telah meluluskan terma rujukan (*terms of reference*) dan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pelaksanaan kedua-dua jawatankuasa teknikal Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah.

Ulasan PAC

Penggunaan Kad Pintar Pesawah adalah satu (1) keperluan mendesak yang merangkumi sistem Maklumat Padi dan Beras serta sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah, seharusnya menjadi fokus utama KPKM dan BERNAS bagi memastikan keperluan obligasi sosial yang dinyatakan dalam perjanjian konsesi dipenuhi.

4.6 Syor 6: KPKM dan BERNAS perlu menyediakan Laporan Prestasi KPI secara bersama dengan lebih tepat, telus dan realistik berdasarkan prestasi pengurusan ladang yang sebenar.

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.6.1 Seperti mana yang termaktub dalam klausa Perjanjian Konsesi, Laporan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pelaksanaan sepuluh (10) obligasi sosial telah dibangunkan dan BERNAS perlu mematuhi objektif perjanjian dan tahap perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan.
- 4.6.2 Pencapaian KPI BERNAS dinilai oleh Pasukan Pemeriksa KPKM yang terdiri daripada 19 cawangan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan pasukan audit dalam BERNAS sebanyak dua (2) kali setahun melalui lawatan verifikasi ke lapangan mengikut zon di seluruh negara yang terbahagi kepada lima (5) zon iaitu Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan, Zon Sabah dan Sarawak.
- 4.6.3 Laporan penilaian KPI BERNAS yang dilaksanakan oleh Pasukan Pemeriksa KPKM akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemantauan (Monitoring Committee) Konsesi BERNAS yang dipengerusikan oleh KSU KPKM dan keahlian terdiri daripada wakil MOF, KE, UKAS, JPM, KPDM, dua (2) orang wakil BERNAS dan wakil Industri. Jawatankuasa ini diwujudkan bagi melaksanakan penilaian terperinci ke atas KPI BERNAS bagi pelaksanaan sepuluh (10) obligasi sosial yang telah ditetapkan dan memuktamadkan markah KPI yang diperolehi oleh BERNAS. Jawatankuasa ini diurus setiakan oleh Unit Pemantauan dan Penyelarasan, Kawalselia Padi dan Beras, BPIP, KPKM untuk penilaian dan penarafan bagi setiap KPI obligasi BERNAS.

4.6.4 Bagi tahun penilaian 2021 dan 2022, BERNAS telah berjaya melaksanakan KPI yang telah ditetapkan di dalam perjanjian. Prestasi KPI BERNAS dari tahun 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Prestasi	Tarikh Mesyuarat
2021	96.02%	Bit. 1/2021 - 8 Mac 2021 (Isnin) Bil. 2/2021 - 13 Ogos 2021 (Jumaat)
2022	94.07%	Bil. 1/2022 - 8 Mac 2022 (Selasa) Bil. 2/2022 - 3 November 2022 (Khamis)
2023	Akan dinilai pada 7 Mac 2024	Bil. 1/2023 - 3 Mac 2023 (Khamis) Bil. 2/2023 - 16 November 2023 (Khamis)
2024	Akan dinilai pada Mac 2025	Bil. 1/2024 - 7 Mac 2024 (Khamis) Bil. 2/2024 - 16 Ogos 2024 (Jumaat) (TBC)

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa mesyuarat pada 7 Mac 2024 mengkehendaki supaya KPI-KPI yang telah ditentukan, perlu disemak dan disahkan oleh Bahagian Pengurusan Padi dan Beras, KPKM bagi memastikan ketepatannya.

Ulasan PAC

PAC mahu laporan KPI yang kini disediakan sebanyak dua (2) kali setahun ditingkatkan kepada empat (4) kali setahun yang dilaksanakan setiap suku tahun bagi memastikan BERNAS benar-benar mematuhi pelaksanaan 10 obligasi sosial.

4.7 Syor 7: KPKM dan BERNAS hendaklah memastikan jentera dan mekanisasi disenggara dengan baik bagi membolehkan ia digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa.

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.7.1 Merujuk kepada Obligasi lima (5), Perjanjian Konsesi BERNAS, peruntukan dana berjumlah RM40 juta akan disalurkan sepanjang tempoh konsesi (RM4 juta setahun) untuk mesin dan mekanisasi ladang.
- 4.7.2 Sehingga tahun 2022, pihak BERNAS telah melaksanakan pembelian 68 unit pelbagai mesin dan mekanisasi ladang berjumlah RM7,206,000.00 melalui kaedah pembelian seperti mana termaktub dalam perjanjian konsesi. Sejumlah 963 petani telah mendapat manfaat daripada penggunaan mesin dan mekanisasi ladang di bawah obligasi BERNAS.
- 4.7.3 Berikut adalah status lapan (8) unit mesin dan mekanisasi ladang yang disemak oleh Jabatan Audit Negara (JAN) menerusi LKAN Siri 1 2021 adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Maklumat Aset		Catalan
1.	Jenis:	<i>Laser Land Leveller Model Novack Soft 25</i>	Untuk tahun 2023, IADA Pekan telah memulakan demo penggunaan <i>laser land leveller</i> di kawasan tersebut untuk kerja-kerja meratakan tanah bagi musim1/2023 dengan keluasan 40 ha.
	Lokasi:	KBB Rompin, Pahang	
	Bilarigan	2 unit	
2.	Jenis:	<i>Laser Land Leveller Model Novack Soft 25.</i>	Untuk tahun 2023, IADA kawasan Seberang Perak telah memulakan demo penggunaan <i>laser land leveller</i> pada 2 Februari 2023 di kawasan tersebut untuk kerja-kerja meratakan tanah bagi untuk musim 1/2023 dengan keluasan 100 ha.
	Lokasi:	KBB Changkat Lada, Perak	
	Bilangan	2 unit	

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)

3.	Jenis:	Jentanam (<i>Transplanter</i>)	<i>Transplanter</i> telah dipindahkan ke Selangor dan telah digunakan untuk mencedung padi wangi musim 1/2023 seluas 200 ha di kawasan IADA Pantai Barat yang mana terdapat permohonan penggunaan di sana sehingga musim 2/2023 selesai.
	Lokasi:	KBB Rompin,	
	Pahang		
4.	Jenis:	Jentanam (<i>Transplanter</i>)	<i>Transplanter</i> telah dipindahkan ke Selangor. Demo penggunaan alat ini telah digunakan untuk mencedung padi wangi musim 1/2023 seluas 200 ha di kawasan IADA Barat, Pantai Barat yang mana terdapat permohonan penggunaan disana sehingga musim 2/2023 selesai.
	Lokasi:	KBB Changkat Lada, Perak	
	Bilangan:	1 unit	
5.	Jenis:	<i>Wheel tractor</i>	Traktor telah dibawa ke Labu Kubong, Perak dan telah digunakan oleh petani di sana untuk mengusahakan sawah bendang seluas 100 ha pada Musim 1/2023.
	Lokasi:	KBB Sri Tiram Jaya, Selangor	
	Bilangan:	1 unit	
6.	Jenis:	<i>Rotovator</i>	Rotovator telah dibawa ke Labu Kubong, Perak dan telah digunakan oleh petani di sana untuk mengusahakan sawah bendang seluas 100 ha pada Musim 1/2023.
	Lokasi:	KB Sri Tiram Jaya, Selangor	
	Bilangan:	1 unit	

4.7.4 Manakala status dua (2) unit mesin dan mekanisasi ladang yang dilaporkan rosak sebeium ini telah selesai dibaiki dan diganti baharu seperti berikut:

(a) *Track tractor: Oil Seal Bocor*

0/7 *seal* tersebut telah diganti serta merta pada hari kejadian dan traktor berkenaan telah pun digunakan di lapangan sehingga kini; dan

(b) Dron: Kerosakan Major

Dron tersebut mengalami kerosakan yang teruk akibat kemalangan ketika penggunaan di kawasan lapangan pada 13 Mei 2022. Oleh yang demikian

penggantian dron yang baru telah dilakukan. Surat kontrak pembelian kepada pembekal telah dikeluarkan pada 16 Disember 2022.

- 4.7.5 Susulan daripada penemuan audit dan syor PAC, KPKM dan BERNAS telah melaksanakan kajian dan banciaan pada penambahbaikan seperti berikut:
- (a) Pelaksanaan kajian dan banciaan dengan para pesawah melalui borang banciaan secara dalam talian (*online*) bagi mengumpulkan input berhubung penggunaan jentera padi. Pautan borang banciaan adalah seperti berikut: <https://forms.office.com/r/0bJNzbS13Y>; dan
 - (c) Menyediakan Buku Log Jentera bagi tujuan pemantauan status dan kondisi jentera tersebut. Buku log ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh pasukan pemeriksa KPKM / Jabatan Audit Negara (JAN) dan lain-lain agensi.
- 4.7.6 Kedua-dua penambahbaikan tatakelola ini adalah untuk memastikan tahap kesiapsiagaan mesin dan mekanisasi setiap kawasan mengikut kehendak serta kesesuaian sesuatu kawasan bagi memenuhi keperluan pesawah setempat.
- 4.7.7 Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan (*Monitoring Committee*) Konsesi BERNAS Bil. 2 Tahun 2022 pada 3 November 2022 telah meneliti beberapa isu berbangkit berhubung penggunaan jentera dan mekanisasi di ladang termasuk isu sedia ada seperti keupayaan pesawah untuk mengoperasikan mesin dan jentera, ketersediaan mesin dan jentera untuk digunakan dan jangkaan isu akan datang (peruntukan penyelenggaraan mesin dan mekanisasi sedia ada dan hak milik setelah perjanjian konsesi tamat kelak). Sehubungan itu, mesyuarat telah memutuskan perubahan format daripada kaedah pembelian mesin dan mekanisasi ladang kepada kaedah sewaan (*leasing*) bermula pada tahun 2023. Untuk itu, BERNAS telah melantik pembekal-pembekai bagi tempoh sewaan lima

(5) tahun bermula tahun 2023 sehingga 2027 melibatkan sewaan empat puluh lapan (48) unit mesin dan mekanisasi ladang.

4.7.8 Pemilihan jenis mesin dan mekanisasi ladang dilaksanakan melalui sesi libat urus antara KPKM, BERNAS bersama penyedia perkhidmatan mesin dan mekanisasi ladang setempat. Ini bagi memastikan pemilihan jenis mesin dan mekanisasi ladang mengikut keperluan setempat. Pihak BERNAS turut menawarkan perkhidmatan setempat mengoperasikan mesin dan mekanisasi ladang sedia ada dengan mengenakan bayaran minimum kepada pesawah. Buat masa ini, keutamaan perkhidmatan mesin dan mekanisasi ini diberikan kepada para pesawah yang terlibat dengan program *Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB)*.

4.7.9 Perancangan dasar mengenai pengurusan jentera mekanisasi konsesi BERNAS di peringkat KPKM diurusetiaikan oleh Unit Teknikal, Seksyen Industri Padi, BPIP, KPKM.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, KPKM memaklumkan bahawa semua jentera-jentera yang dilaporkan di dalam LKAN telah pun dibaiki dan kini berfungsi serta disenggara dengan baik.

Sebagai langkah ke hadapan, bagi mengatasi isu mengenai jentera dan mekanisasi tidak berfungsi dan disenggara dengan baik, BERNAS akan menyewa (*lease*) jentera-jentera tersebut supaya penyelenggaraan berkala dapat dilaksanakan oleh pembekal dalam memastikan jentera dan mekanisasi tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan penambahbaikan yang diambil KPKM dan BERNAS berdasarkan syor jawatankuasa serta Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, isu ini perlu sentiasa dipantau secara rapi bagi memastikan jentera dan mekanisasi disenggara dengan baik sekali gus dapat digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa.

- 4.8 Syor 8: KPKM hendaklah menguatkuasakan remedi iaitu dengan menuntut penalti yang berkaitan, berhubung dengan kegagalan syarikat konsesi mematuhi obligasinya selaras dengan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Ini termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan pembayaran RM25 juta dana obligasi sosial mengikut tempoh masa yang ditetapkan.**

Maklum Balas KPKM/BERNAS

- 4.8.1 Pihak KPKM memandang serius akan Perjanjian Konsesi yang telah dimenterai dan dipantau ketat oleh Jawatankuasa Pemantauan (Monitoring Committee) Konsesi BERNAS yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM serta keahlian adalah seperti perkara 3.3.1 (b). Isu kelewatan pembayaran dana obligasi sosial berjumlah RM25 juta mengikut tempoh masa yang ditetapkan, KPKM telah mengeluarkan Surat Peringatan kepada BERNAS bertarikh 31 Januari 2023 dan surat peringatan kedua bertarikh 17 Januari 2024. Pihak BERNAS telah mengemukakan jawapan balas berhubung penyaluran dana tersebut dengan memohon tempoh lanjutan bagi menyalurkan dana berkenaan dengan memastikan segala proses berjalan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 4.8.2 KPKM mengambil tindakan dengan melaksanakan penilaian berdasarkan pelaporan dari Pasukan Pemeriksa KPI BERNAS yang terdiri daripada

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
TERIMAAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL
PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (DR.7/2023)

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) setiap negeri. Pemeriksaan terbahagi kepada lima (5) zon iaitu Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan, Zon Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan dua (2) kali setahun. Penalti dikenakan terhadap BERNAS jika gagal mencapai tahap KPI yang ditetapkan oleh Kerajaan sekiranya pencapaian di bawah 60%. Butiran remedi penalti adalah seperti berikut:

Peratus KPI	Tindakan Dikenakan
Lebih 60%	Tiada
56% - 60%	Penalti RM 1 juta
51%-55%	Penalti RM 2 juta
46% - 50%	Penalti RM 3 juta
40% - 45%	Penalti RM 4 juta
Bawah 40%	Penamatan Konsesi.

4.8.3 Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah RM34,318,752.18 dana obligasi sosial yang telah diterima oleh KPKM seperti butiran berikut:

Bil.	Perkara	Butiran Penyaluran	Jumlah (RM)
1.	Baki Awal (pelarasan dari ATTD)	18 Julai 2023	27,318,752.18
2.	Obligasi Sosial 7 - Stokpail Benih Padi Negara Obligasi Sosial 8 - Dana Bencana Tanaman Padi	12 Oktober 2023 Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS	7,000,000.00
JUMLAH:			34,318,752.18

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 11 Mac 2024, BERNAS memaklumkan bahawa BERNAS sentiasa komited dalam melaksanakan obligasi sembilan (9) dan

10 dan akan mematuhi perjanjian dalam penyaluran dana kepada pihak Kerajaan. Selain itu, BERNAS juga telah dimaklumkan mengenai sistem SMART Padi yang sedang dilaksanakan oleh KPKM.


Ulasan PAC

PAC mahu isu berkaitan kegagalan pembayaran dana obligasi sosial berjumlah RM25 juta tidak lagi berulang dan sekiranya ia berlaku tindakan remedi yang cepat perlu dilaksanakan oleh KPKM dengan segera.

5. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 7/2023 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 11 MAC 2024**

SULIT



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 11 Mac 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Laporan Tindakan Susulan:
Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian
Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras
Negara di bawah Kementerian Pertanian dan
Keterjaminan Makanan terhadap Syor-Syor
Laporan PAC Parlimen (DR. 7/2023)**

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

- (i) YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali,
Ketua Setiausaha
- (ii) YBhg. Datuk Azman bin Mahmood,
Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi)

PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS

SULIT

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 11 MAC 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

- YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

URUS SETIA

- Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan

- Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara

Puan Norbaite binti Dahalan [Ketua Seksyen Audit (Sektor Audit Kewangan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Encik Azem bin Miskah [Timbalan Pengarah (Seksyen Pengurusan Dana dan Pelaburan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Ng Seh Fern [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi

YBhg. Datin Zaeidah binti Mohamed Esa [Pengarah (Bahagian Pertanian)]

SAKSI

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

Cik Adawiyah binti Ahdan [Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara]

Encik Mohd Fariszan bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Strategik dan Am)]

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi)]

YBrs. Dr. Zaharuddin bin Zainal Abidin [Ketua Audit Dalam]

Encik Mohd Mazran bin Dato' Mohamad Mazlan [Penasihat Undang-undang]

Puan Misjiah binti Marul [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Encik Ahmad Taufik bin Zainudin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan Industri Padi)]

Puan Raihana binti Yaakob [Pegawai Khas KSU]

Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Encik Mohd Faizul bin Mohammad Azahar [Ketua Jabatan Pengurusan Konsesi]

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [Ketua Bahagian Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Hulan]

SULIT

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 11 MAC 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.33 petang

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan pada Naib Pengerusi dan juga ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15 dan juga ahli-ahli ex-officio, daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara; SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih hadir ya pada mesyuarat pada petang ini dan prosiding tindakan susulan pada petang ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Terima dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah KPKM DR 7/2023. Jadi sebagaimana sedia maklum laporan PAC ini telah pun dibentangkan di Parlimen pada 11 Oktober 2023.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini hadir di hadapan PAC ialah yang pertamanya Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Pelaburan (MOF) mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan; yang ketiga Yang Berbahagia Datuk Azman Mahmood, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras (KPKM). Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Negara; Yang Berhormat Puan Wong, Timbalan Pengerusi;

Yang Berhormat-yang terhormat mewakili Ahli Jawatankuasa PAC. Datuk Lokman, *partner* saya pada petang ini *sparoy2024*

ing partner, Pegawai-pegawai ex-officio daripada kementerian-kementerian serta sekretariat PAC Parlimen juga Datuk Azman daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Terima kasih saya ucapkan di atas slot yang diberikan pada petang ini. Sekali lagi saya menyampaikan permohonan maaf daripada KSP yang terpaksa hadir satu lagi *meeting* bersama KSN pada petang ini dan saya akan menggantikan beliau sebagai wakil daripada Kementerian Kewangan. Terlebih dahulu Yang Berhormat dan serta semua Ahli-ahli PAC, merujuk kepada sesi pada hari ini bersama-sama saya untuk melaksanakan pembentangan berkaitan dengan laporan susulan muktamad pegawai pengawal terhadap syor-syor PAC akan dibentangkan bersama oleh Yang Berbahagia Datuk Ketua Setiausaha KPKM dan juga Yang Berbahagia Datuk Azman lah yang akan membentangkan tindakan-tindakan yang telah ambil.

Next slide please. [Merujuk slaid] Sedikit untuk saya merujuk kepada *background* kepada perkara ini berhubung dengan laporan yang telah dikemukakan pihak laporan ini telah pun sebagaimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi, laporan ini telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat.

Lapan syor telah pun dikemukakan, lapan syor untuk makluman semua telah pun diambil tindakan. Ada yang selesai, ada yang dalam proses bermakna ke arah tindakan susulan tadbiran yang berterusan dan tindakan selaras dengan Akta 304b(AP) oleh KSP. Selaku KSP Kementerian Kewangan telah pun diambil tindakan sewajarnya di mana laporan telah pun dikemukakan pada 4 Mac tempoh hari.

Next slide please. [Merujuk slaid] Ingin saya maklumkan juga bahawa sebelum diserahkan pembentangan status repot lapan perkara tersebut oleh KSU KPKM, dimaklumkan bahawa MOF bersama-sama sekretariat PAC telah pun melaksanakan beberapa siri lawatan verifikasi ke atas isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan ini dan telah pun mengambil maklum bahawa tindakan telah pun diambil sewajarnya oleh pihak-pihak yang terlibat. Justeru itu, izinkan saya Yang Berhormat Pengerusi untuk menyerahkan pembentangan seterusnya kepada Datuk Seri KSU KPKM.

Datuk Lokman Hakim Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih Datuk Dr. Shahrazat, TKSP. Yang saya hormati dan saya muliakan Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Puan Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Pertama sekali saya ingin mengambil

kesempatan bagi pihak kementerian juga untuk mengucapkan Salam Ramadhan yang mulia, yang mana kita mengimarahkan kesabaran dan ketenangan [*Ketawa*]...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini awal-awal lagi dah. Intro – intro ini. [*Ketawa*].

Datuk Lokman Hakim Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Sorry. Sorry Datuk Wira. I cannot help it. [Ketawa].*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Intro yang baik Datuk.*

Datuk Lokman Hakim Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya. *Intro yang baik dan husnudzon dalam segala perkara, insya-Allah. [Ketawa].* Jadi saya terus ke [*Merujuk slaid*] latar belakang. Saya rasa ini adalah makluman yang agak umum yang mana itu menunjukkan bahawa perkara-perkara yang telah kita laksanakan dan juga di mana kita telah apa ini mendapat syor-syor daripada prosiding pada 13 Oktober yang lepas dan juga di peringkat Kementerian telah menyediakan laporan interim iaitu tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan ke atas syor-syor oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Seterusnya, [*Merujuk slaid*] dalam slaid yang seterusnya mengenai dengan syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini– lapan perkara yang telah diberikan syor untuk tindakan di peringkat kementerian. Daripada lapan itu, dicadangkan untuk diangkat sebagai warna hijau iaitu tindakan yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun kita dapat dua iaitu syor yang empat yang lima yang mana perkara-perkara ini masih dalam tindakan susulan yang berterusan untuk kita menambah baik.

■1440

Walaupun kita telah pun mempunyai tindakan ataupun *action plan* yang merupakan tindakan bersama dengan agensi-agensi bagi memastikan bahawa kita dapat mencapai penyelesaian bagi syor yang keempat, yang kelima.

Seterusnya syor yang pertama ialah berkenaan dengan mengkaji alternatif kestabilan industri beras negara. Untuk makluman semua kalau dilihat daripada peranan ataupun tanggungjawab yang telah diberikan kepada BERNAS sebagai pemegang konsesi adalah untuk memastikan mereka adalah *buyer of the last resort* dan juga memastikan bahawa bekalan beras dalam negara ini mencukupi dan *to compliment* beras tempatan yang mana SSR-nya adalah 63 peratus. Mekanisme ini juga merupakan amalan daripada negara-negara seperti Indonesia, Filipina, Vietnam, Cambodia, Pakistan dan China.

Setakat hari ini peranan daripada pihak BERNAS dalam membantu untuk pihak kerajaan menjimat kos operasi khususnya di bawah obligasi sosial ini sebanyak RM223 juta. Kita juga lihat bahawa kita mendapat keterjaminan makanan daripada tambahan stok penimbal beras kerajaan yang dinaikkan kepada RM290 juta yang telah kita lihat dan kita tambah baik semasa memperbaharui perjanjian konsesi daripada 2021 ke 2030.

Cuma saya ingin berkongsi, *I think* – apa maklumat yang diberikan pada tiga ke empat itu adalah maklumat yang sedia maklum. Cuma saya nak mengambil kesempatan ini Datuk Wira Pengerusi, bila disebut mengkaji alternatif dalam menjamin kestabilan industri beras negara pada waktu ini selepas mesyuarat NACCOL yang lepas, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama dengan Kementerian Kewangan, Kewangan Ekonomi, UKAS, misalnya sedang menyediakan pelan tindakan yang baru bagi ekosistem padi dan beras negara yang mana akan dibentangkan ke mesyuarat NACCOL pada 20 Mac yang lepas.

The end game is to ensure that everybody is at a win-win situation. Pertamanya Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ialah kita telah mengadakan sesi libat urus pelbagai pemain di dalam industri ekosistem padi dan beras. Masing-masing mempunyai keutamaan dan kepentingan yang telah mereka utarakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan atau diambil kira.

Pesawah misalnya walaupun harga lantai kita dah ditetapkan pada RM1,300 tapi hari ini di pasaran, pesawah telah menyatakan masa sesi libat urus untuk belian padi oleh pengilang adalah setinggi RM1,750 iaitu pada harga belian padi pada masa ini yang sedang berlaku di pasaran.

Datuk Wira kalau Ketua Pengarah sepatutnya ini *purview and territory of KP* padi dan beras tapi saya minta izin KP untuk — jadi waktu ini itu adalah semasa sesi libat urus kepentingan yang telah dinyatakan oleh pesawah. Kita lihat pula pada pengilang dengan pemborong. Pengilang dan pemborong menyatakan bahawa dalam harga kawalan untuk beras putih tempatan pada RM26 agak sukar untuk mereka membayar RM1,750.

Harga lantai RM1,300 ke RM1,400 merupakan harga yang *reasonable* bagi pengilang. Walau bagaimanapun *just between these four walls, the discussion was that* pengilang dan pemborong mohon supaya kalau boleh *the end game* ialah kita apungkan harga beras ini.

Ketiganya ialah mengenai dengan peruncit. Peruncit juga menyokong mengapungkan harga beras kerana bagi mereka yang penting ialah keberadaan

atau ketersediaan beras itu sendiri di premis-premis runcit mereka. Pastiya daripada pengguna, kalau kita apungkan daripada perbincangan yang telah kita laksanakan bersama dengan *central agency* dan secara tertutup, kalau diapungkan sudah tentulah harga beras putih tempatan itu akan meningkat. Kemungkinan melebihi RM8 atau RM9 perbezaannya pada hari ini kerana bila kita apungkan, kita lihat pada harga pasaran dunia.

Antara cabarannya ialah sama ada kerajaan akan memberi bantuan secara bersasar kepada khususnya B40 atau B60. Jadi mekanisme-mekanisme ini sekarang ini sedang diteliti di peringkat kementerian bersama dengan *central agency* yang mana kita akan bentangkan pilihan ataupun *options* tersebut pada kerajaan di mesyuarat NACCOL yang akan datang. Jika dilihat pada mengkaji alternatif, menjayakan kestabilan industri beras negara, *I think that is a major discussion that currently the government and* kementerian-kementerian sedang laksanakan.

Seterusnya adalah mengenai dengan saya rasa ada beberapa slaid yang memberi latar belakang *especially* daripada obligasi sosial dan bermula daripada 1996 sehinggalah 2021 yang mana kita lihat obligasi sosial ini sentiasa ditambah baik. Sehingga 2021 kita mendapat 10 obligasi sosial yang perlu dilaksanakan oleh BERNAS bagi menjamin kebajikan dan juga keutamaan ekosistem dan industri padi dan beras.

Seterusnya yang ini juga adalah 10 obligasi sosial BERNAS yang sedia ada. Kalau kita lihat tujuh, lapan, sembilan, sepuluh ini merupakan obligasi BERNAS untuk menyumbang secara tunai kepada kerajaan bagi melaksanakan obligasi-obligasi yang berkenaan. Berkenaan dengan satu sehingga kelapan itu adalah di bawah tanggungan dan kos yang sedang dilaksanakan operasi oleh BERNAS sendiri.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya Datuk Seri TKSU. Untuk isu pertama iaitu peranan BERNAS. Obligasi untuk menjamin kestabilan industri beras negara. Mereka diberi tugas untuk mengimport beras apabila ada kekurangan beras tempatan.

Saya difahamkan bahawa nombor satu adalah beras tempatan tak ada langsung di pasaran. Kedua, adakah saya difahamkan oleh *industry player* bahawa sebenarnya BERNAS tidak mengimport beras daripada luar negara seperti yang diperlukan? Mereka pula pergi beli beras tempatan dan tukar beg beras tempatan kepada beras import? Ini yang berlaku sekarang.

BERNAS dia sebenarnya tidak melaksanakan tugasnya untuk mengimport beras yang mencukupi daripada luar negara ke sini tetapi dia mengambil *price*

difference itu sebagai satu *opportunity*. Dia beli beras tempatan lepas itu dia tukar beg. Margin itu dia dapat untung. *Ultimately we suffer*. Ini adalah pemain yang *complain*. Saya nak dengar apa cerita sebenar daripada KSU.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih. Boleh saya jawab soalan yang ketiga dahulu Yang Berhormat mengenai dengan BERNAS tidak mengimport adalah tidak benar. Sebab di dalam Jawatankuasa Pemantauan, kita pastikan bahawa kita lihat dari segi *invoices* yang ada yang dibuat oleh BERNAS ataupun yang dibeli oleh BERNAS.

Ini memastikan bahawa BERNAS sebenarnya membeli dan mengimport daripada luar kerana kalau kita lihat daripada keberadaan beras putih tempatan hanyalah 63 peratus. *So you have a vacuum of about 40 per cent. It is impossible* nak *recycle* balik beras putih tempatan kerana ia akan menunjukkan bahawa memang kita akan ada krisis beras.

Apa yang berlaku bila kita sebut SSR 60 peratus atau 63 peratus sebenarnya YB, kita kena tolak sebenarnya itu termasuk keseluruhannya. Tidak kita menolak daripada segi zakat, tidak kita menolak daripada kontrak-kontrak kerajaan yang digunakan beras tempatan tersebut. Ada satu lagi perkara selepas itu digunakan untuk industri hiliran seperti kuey tiaw dan sebagainya *which uses quite a significant number of* beras putih tempatan di situ. Jadi kalau kita tengok SSR kita sebenarnya adalah dalam lingkungan 52 atau 53 peratus.

■1450

Jadi, perbezaan ini adalah ditampung oleh BERNAS melalui pembelian daripada luar negara. Jadi, YB kalau ada kenyataan yang menyatakan bahawa tidak langsung mengimport beras di luar negara, hanya membeli beras putih tempatan *and repack* lah. Maksudnya, *repack* menjadikan beras import. Itu adalah mungkin tanggapan yang tidak berapa tepatlah, YB.

Saya rasa keduanya – *sorry* YB. *Can you repeat your second question? I got the first and the third.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *I am talking about these kartel-kartel, you know. Because* mereka menggunakan *the price difference* itu, mereka *repack* lah. Sebab saya difahamkan bahawa pengilang-pengilang yang nak beli beras import daripada BERNAS, mereka menghadapi kesusahan sebab BERNAS tidak – katakan mereka nak beli 10,000 tan, mereka tak dapat. Mereka diberi 3,000 tan, 2,000 tan, macam itu. Ini bermaksud bahawa import BERNAS itu mungkin tidak mencukupi. Jadi, saya rasa kawal selia kah – Datuk Azman boleh *monitor* lah dengan lebih baiklah. Ini adalah *info* yang diberikan daripada pengilang-pengilang ya.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Can I give the floor to Datuk Azman if he has additional...*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Datuk Wira dan juga YB Sim.

Berkaitan dengan apa yang YB lontarkan, yang pertama lebih pada persepsi. Tidak ada pembuktian, okey. Memang kita tahu ada manipulasi berlaku dan kita pun telah buat operasi bersepadu bersama dengan beberapa agensi termasuk kastam, KPND, MAQIS dan juga *even* SPRM pun terlibat. Memang ada terlibat, ada manipulasi berlaku.

Pertama, kalau YB tengok, untuk kita beli padi 1,300. Sebenarnya, padi tidak boleh dapat kalau kita beli padi 1,000 tan. Kita dapat beras hanya 58 per cent ataupun 580 kilogram beras. Kenapa? Pertamanya, cuaca. Waktu – cuaca yang sesuai untuk tanam padi adalah sekitar 34 darjah Celsius tetapi sekarang cuaca kita dah melebihi 34 darjah Celsius. Kalau kita pergi ke Kedah baru-baru ini, dua minggu lepas kita pergi, di Pendang sahaja dah 41 darjah Celsius.

Kalau kita beli padi sekitar 1,300, saya nak maklumkan, untuk kita nak jual beras sebenarnya dalam pasaran, RM28.50. Maknanya sekarang ini, kebanyakan kilang, dia yang *absorb* kos RM2.00 dan dalam akta kita kena – dalam peraturan kita kena jual RM26.00 ataupun RM2.60 per kilogram tetapi disebabkan kos mereka RM28.00 ataupun RM2.80 lah dia punya per kilogram. Jadi, benda ini saya tak nafikan memang ada berlaku manipulasi.

Kedua, tentang import. Import kita ada bagi permit AP kepada BERNAS dalam sekitar RM900 hingga RM1.2 juta kepada BERNAS. Tetapi walau bagaimanapun, import, eksport ini dikawal oleh Jawatankuasa Import Eksport yang dipengerusikan oleh sama ada YB Menteri ataupun Datuk KSU sendirilah. Kita *monitor* setiap kapal-kapal — kemasukan yang dalam negara.

Ketiga, kebanyakan yang mereka-mereka yang membeli beras import daripada BERNAS yang selama ini tak pernah beli beras import. Ada syarikat-syarikat yang kita kenal pasti, tidak pernah dalam rekod 10 tahun membeli beras import tetapi kerana kenaikan harga beras import terlampau melampau, mereka menggunakan yang macam YB cakaplah, manipulasilah. Beras tempatan dimasukkan ke beras import untuk mengesahkan yang dia itu sebagai ada rekod yang membeli beras import. Itu berlaku dalam pasaran yang bila kita *monitor* dalam pasaran.

Kita dapati yang BERNAS – sebab kita hanya ada dalam sekitar RM900 hingga RM1.2 juta, kita kena *monitor* dalam tempoh setahun itu memastikan beras dalam negara cukup. Itu termasuk *stockpile* ya Encik Rahman, ya? Termasuk *stockpile* 290,000.

Maknanya, kita kena pastikan beras dalam negara kena cukup. Kita tak boleh tambah kuota. Kalau kita tambah kuota, kita akan ditolak SSR kita walaupun pengeluaran kita 80 per cent contohnya. Kalau import kita pun banyak, SSR kita akan *drop*, jatuh. Ini yang beri kesan yang besar kepada industri padi dan beras.

Itu sahaja YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nak tanyalah. Merujuk pada jawapan daripada Datuk punya ini, maksudnya manipulasi, kan? Jadi okey, BERNAS *aware* perkara itu. Jadi, saya nak tanya, penguatkuasaan. *How you all* mengenal pasti masalah itu dan *overcome that problem*? Maksudnya, dari segi penguatkuasaan dan sebagainya.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita akan *check* stok di - contohnya pembelian di kilang padi terutamanya. Kebanyakan *culprit* ini berlaku di kilang padi dan kilang padi ini kita akan tengok berapa jumlah padi yang diberi dan di mana dia jual padi ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *How often*? Dari segi memantau.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita buat dalam dua minggu, dua minggu. Dua minggu sekali kita buat *checking* dan kita buat *cross-check* untuk dia punya dokumen. Contohnya baru-baru ini kita buat – contohnya di Kedah, saya minta daripada pasukan daripada negeri lain yang masuk, bukan di Kedah sendiri yang buatlah. Maksudnya, kita buat *cross* dia punya ini operasilah, OP BPT.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nak tanya. Dua minggu sekali ini adakah maksudnya sebelum ini memang buat dua minggu sekali ataupun sebelum ini sebulan sekali kah ataupun *you all* datang banyak-banyak, macam mana?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita buat dalam dua bulan sekali tetapi kita kerapkan yang bila berlaku ini pada September yang lepas. Bila berlaku ini krisis beras putih tempatan ini kita kerapkan pemeriksaan itulah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ada sesiapa yang ditangkap kah dan dihadapkan ke mahkamah kah?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Setakat ini – PUU ada boleh bantu saya? [*Bertanya kepada pegawainya*] Setakat ini, belum ada lagilah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ada tangkapan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Tak ada, tak ada. Semua belum lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tak ada tangkapan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Semuanya okey?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Dia ada percampuran. Bila kita lapor pada Jemaah Menteri, memang ada percampuran. Ada yang bercampur 30 peratus, ada yang campur 40 peratus, ada yang campur 20 peratus tetapi kita nak buktikan oleh Jabatan Kimia ke mahkamah itu kena mengambil masalah. Maknanya, kita kena mendapat *blessing* daripada semua pihaklah termasuk Jabatan Peguam Negara lah, pastikan pendakwaan itu boleh dibuat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab apa, yang ini merupakan krisis. Maksudnya, makanan. Saya harap pihak kementerian kena tengok benda ini dengan serius dan minta maaf sebab rakyat di luar sana tak tahu pun apa yang *you all* buat ataupun ini. *So that the more that you all* – tambah perlu ada media juga yang tahu apa yang dilakukan oleh ini supaya tidak ada salah tanggapan persepsi rakyat terhadap kementerian ini tidak berbuat apa-apa dan juga tidak seriuslah.

Jadi, *I think* itu pun boleh masuk dalam penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat. *So that* di luar sana tahu apa yang telah dilakukan dan maksudnya semua pihak ambil serius dan juga masa itu sangat ini – dia kalau kita *treat* benda ini macam tidak – macam masa tidak penting, saya rasa sudah itu sebab ini sangat kritikal, kan?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, keadaan dari segi bekalan beras hari ini sudah mencukupi, kan? *As a whole*, mencukupi dari segi bekalan dengan permintaan? Cukup *dak*?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Keperluan beras...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya tanya itu saya nak *go into another question*.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Okey. Beras keperluan kita dalam sebulan lebih kurang 200,000 metrik tan ataupun 2.4 juta metrik tan setahun. Isu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 200,000 tan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya. Isu beras tak ada isu. Cuma isu yang dibangkitkan oleh rakyat di bawah adalah harga yang terlampau tinggi. Contoh sekarang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Dalam sekitar RM31 hingga RM41 di Semenanjung lah. Kalau yang di Sabah, Sarawak selepas kita memberi subsidi, dalam sekitar RM27 hingga RM28 di Sabah dan Sarawak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, isu sekarang ini, beras cukup? Disebabkan kita campur jumlah import, campur yang beras tempatan, cukuplah. Keperluan 200,000 tan sebulan dan RM2.4 juta setahun.

Kalau beras cukup, kenapa perlu di campur? Kenapa pengilang-pengilang ini kena campur dan bungkus? Okey, yang tempatan, bungkus macam biasalah beras tempatan, macam dulu. Beras import, beras import, harganya lebih tinggi. Kenapa ada isu mencampur? Ertinya, saya ingat campuran ini ialah *rampant* sebab itu harga naik gila-gila ini, kan? *It is rampant*.

So, saya ingat dari segi kita punya pengurusan tentang isu beras ini dan juga pemantauan kita masih tidak efisien dan tidak berkesan keseluruhannya lah sebab di bawah sana ramai yang bercakap. Pergilah di mana-mana, jumpa mana-mana penduduk Malaysia ini, masalah beras, memang serius.

■1500

Tapi yang kita dengar sini nampaknya lebih baik daripada dulu ya. Ini satu *big gap*, jurang. Jurang daripada segi keyakinan rakyat ataupun *this is a reality*, memang ada masalah. Itu isu dia. / ingat kalau jumlah cukup kita import antara 900,000 sehingga 1 juta tan dan yang *balance* itu beras tempatan. *Then* isu yang besar sekarang ialah pastikan supaya tidak ada campuran beras antara tempatan dan import. Balik kepada asal iaitu beras tempatan ini harga dia ditetapkan oleh kementerian dan harga import ini, harga import yang masuk dalam ini mahal, harga di luar negara naik. *Fine*, siapa yang nak beli harga import *then* dia *need to pay higher price*-lah Datuk Seri. Itu pandangan saya. Apa pandangan Datuk Seri dan Datuk?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Saya bersetuju pada YB, tetapi YB hanya melihat daripada

perspektif pengguna. Maknanya mahal dan YB jadi popular. Sebagai orang YB, YB balik kampung...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya tak berhasrat nak untuk jadi popular.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Tak, tak, saya maksudkan macam itu popular...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Take the case, take the case, taking the case.*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Tetapi YB kena faham *the*— beras kita RM2.60 adalah pada tahun 2008. Tidak pernah dikaji dan sekarang pesawah perlukan harga padi RM1,750. Kalau kita nak dengan RM2.60 kekal dalam pasaran, kita kena beli padi dalam sekitar RM1,100 sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak, maksud saya terus dibincangkan untuk cari formula di mana harga yang terbaik, itu perlu diteruskan. Tapi isu campur beras ini *must be stopped, then* baru kita tahu berapa sebenarnya harga beras yang tempatan dan yang import Datuk, itu sahaja. *Must be stopped.* Kalau tak *stop* ini, sampai bila-bila pun kita akan menghadapi masalah. Dia *bubuh* tempatan lebih, import kurang. Tapi harga macam 50-50 umpamanya. So, pengguna tak dapat *a fair price* untuk beras. Itu sahaja pandangan saya. Soalan RM1,750 *I think you have to discuss because this is what they want.*

So, akhirnya kalau itulah formula yang kita dapat, katakan RM1,750 dengan berapa? RM1,300?

Seorang Ahli: RM1,300.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ambil perbezaan itu *and then the way you solve the problem*-lah. *Find farm somewhere.* The pengguna kena terima hakikat *after all, la pun depa duk bayaq* harga mahal dah. *La pun depa dah bayaq* harga mahal, kan? So, *might as well be fair to both* pengguna dan pengilang. *That is the best way to resolve this issue* Datuk Seri. Pandangan kita lah. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Shah Alam tadi nak tanya soalan. Oh, Kapar. Lepas itu Kapar ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Nak tanyalah. Saya bawa ini di dalam perbahasan baru-baru ini juga. Sebab saya turun betul-betul ke warung-warung kedai berjumpa dengan peniaga. So, saya tanya dia fasal beras ini. Dia guna apa? So, dia tunjuk dekat saya, "Ini memang ini import

punya". Daripada segi nak ini kan makanan kan? Sebab dia nak jual berapa dia nak dapat untung dan sebagainya. Sebab dia *complained* tak dapat untung kan. So, saya kata kenapa tak gunakan beras tempatan? Lagi murah. *At least profit* lebih sikit. Dia kata, "YB, tak ada. Saya dah pergi tiga tempat, lima tempat borong ini, tempat ini, ini. Tak ada. So, yang ada ini. Saya nak berniaga hari-hari. So, tak akan nak cari tempat-tempat itu...", dia kata. So, itu di antara apa?

Yang keduanya juga, yang saya terkejut jugalah di antara seorang pengusaha warung ini juga. Dia kata, "Yang tempatan ini dia banyak hancur" dan juga kalau yang murah itu dia kata macam putih, macam plastik. Dia kata, "Saya sendiri pun tak tergamak nak makan, bagaimana saya nak bagi *customer* saya?". So, saya nak dapatkan kepastian daripada yang saya dengar. *Actually, what is the truth?* Cukupkah kalau kita kata *60 percent local production* kita, kan? Yang *40 percent* sahaja import, kan? Betul ya? *The supply. So, where are they? Because this is in* Kapar tahu. Saya tengok sendiri ini. Bukan seorang, saya pergi merata tempat itu. Nak dapatkan kepastianlah. Nak dengar Menteri jawab apa nanti. Tak sempat pula nak tanya banyak-banyak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, ini jawab dulu ya. Lepas itu, saya ada soalan tambahan nanti.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Okey, yang pertama YB. Beras tempatan ini kebanyakan dijual hanya di *hypermarket* dan sekarang kita buat langkah intervensi di FAMA dan juga LPP. *Why?* Kerana kedai-kedai runcit ini tak akan ambil beras tempatan. Sebab keuntungan di antara RM0.30 sen hingga RM0.50 sen sedangkan kos kalau nak hantar dari Kedah ke Johor Bahru dah RM1.70. Maknanya, itu yang pertama.

Yang kedua, dia perlukan ruang untuk letakkan beras sedangkan dia untung RM0.50 sen. Maknanya, itu yang itu. Yang ketiga, yang YB kata hancur ini sebenarnya sekitar lima peratus. Kalau YB ada maklumat itu, bagi pada saya. Saya akan cari, saya akan jejak siapa yang kata ada plastik. Bagi pada saya maklumat itu dan kita akan jejak syarikat itu, yang buat itu. Mesti ada *branding* dan mesti ada cap di beg itu, yang jual itu.

Kalau boleh YB bagi nama yang peniaga itu pada saya, kita akan cari siapa yang kata beras plastik itu supaya kita dapat jejak, supaya kita boleh leraikan masalah isu di bawah ini ya YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam dulu. Shah Alam.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Oh, Shah Alam dulu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam dulu. Lepas itu, Sik. Lepas itu, kita *move to second* syor ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira dan KSU, TKSU. Pertama sekali tentang terminologi SSL, SSR ini. Kadang-kadang kita dengar ada yang sebut SSL, kadang-kadang SSR. Jadi, kita nak tahu terminologi yang mana yang sepatutnya digunakanlah. Kadang-kadang di dalam Dewan disebut SSL, Menteri kata. Kemudian, tadi Datuk KSU sebut SSR. So, kita nak guna mana sebenarnya? Ataupun memang ada dua [*Disampuk*] perbezaan antara keduanya.

Yang keduanya tadi kita dah tahu biasanya ialah yang kita faham kita punya SSL, saya guna istilah SSL itulah sebab itu yang Menteri sebut. SSL kita sekitar 60-65 percent. Tadi Datuk KSU sebut SSR 52 percent. *Actual*. Setelah ditolak dengan *government contract and then* yang buat *biproduct* macam apa-apa lah, kuetiau kah, mihun kah apa semua kan. *So, I think that is kind of misleading* jugalah *because what is the real consumption is the real consumption*. Dia tidak boleh maksudnya kita kata keperluan kita banyak ini tapi, "*Oh bukan*", sebab kita guna *biproduct* yang lain kan. So, agak mengelirukanlah pada saya.

Yang ketiga, berkenaan dengan—kita tahu jelapang padi Kedah, Kelantan. Mereka mengeluarkan beras tempatan yang lebih daripada keperluan tempatan. Maksudnya, Kedah keluarkan lebih daripada keperluan Kedah. So, dia boleh eksport ke negeri lain. Negeri lain, bukan eksport ke luar negara tapi negeri lain.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kena terima kasih banyaklah. [*Ketawa*]

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Begitu juga Kelantan— Terima kasih Kedah, terima kasih. Begitu juga Kelantan. Yang tak cukup Selangor. Kita tahu Selangor sikit tetapi penduduk memang terlalu ramai. *Six, seven million* sekarang ini sedangkan kita punya tanah memang tak cukup. So, memang kita perlu lebih. Cuma saya tak berapa nak faham kenapa boleh berlaku kekurangan di negeri-negeri yang mengeluarkan itu? Kedah dakwa— Ahli Parlimenlah dakwa itu tapi... [*Ketawa*]

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kubang Pasu.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dia tak cukup kan di Kedah itu. Jadi, mungkin pihak kementerian boleh jelaskan sikit bagaimana daripada segi pengagihan itu supaya dia boleh *balance* kan. Tidaklah maksudnya negeri pengeluar itu sendiri mengaku dia kata dia sendiri tak ada beras tempatan, tak cukup, contohnya.

Seterusnya, berkenaan dengan hari itu pada November tahun lepas, kementerian ada membenarkan pelekat harga sementara untuk tempoh yang

tertentu. Saya ingat itu yang baru-baru ini berlaku kekecohan sikit. Benda yang di-*recycle* pada tahun lepas punya. Dia kata pelekat untuk beras import itu digunakan untuk beras tempatan. Tapi itu kalau benar dakwaan yang keluar itu maknanya memang berlaku penipuanlah ataupun penyalahgunaan kebenaran itu.

Jadi, berbalik kepada soalan Bayan Baru tadi. Kalau kita memang boleh kenal pasti siapa yang menyalahgunakan itu, sepatutnya ada lah dakwaan ataupun tangkapan supaya benda ini tidak boleh diseleweng ataupun digunakan secara berleluasalah. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak tanya sikit pada Datuk Azman, pengalaman lama dalam beras.

■1510

Datuk Azman, dulu ini kita ada – tuan bercakap ini berhubung dengan nak mengurangkan harga beras. Dulu kita ada macam ST15. Ingat tak Datuk Azman? ST15 ini dia campur beras yang pecah-pecah kan? Jadi, dia turunkan harga beras tapi semenjak seorang Menteri Pertanian sebelum itu, dia *stopped* benda ini. Tak ada lagi beras ST15 oleh sebab-sebab tertentulah. Adakah kemungkinan kita kena lihat balik kepada beras ST15 supaya 15 per cent itu *lower cost than the other 85 per cent*. Jadi, *overall cost* harga beras dapat dikurangkan untuk orang B40 ini. Saya pun makan beras itu. Sedap beras itu – dia daripada beras yang 100 peratus itu. Kita pun orang miskin. Kita makan beras itu, kita sukalah dengan beras itu, dengan nasi itu. Apa pandangan Datuk Azman?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Pertama, beras ST15 ini diperkenalkan pada tahun 2012. Memang pada ketika itu lebih kurang RM18 lebih kuranglah tetapi akhirnya benda ini telah dimanipulasikan oleh pemborong. Maknanya daripada 15 per cent jadi 40 per cent. Jadinya orang tak boleh. Jadi, ini benda yang kita tak mahu berlaku dalam – berulang lagi benda yang sama. Jadi, akhirnya kebanyakan kawal selia – saya yang kena tangkap dengan SPRM. *Because* kita yang cop invois itu. Jadi, saya tak nak benda ini berulang, berulang, berulang.

Kedua, kalau kita import beras import hancur 30-kah 20, harga lebih kurang sama Encik Lokman ya. Dulu mungkin ada perbezaan harga. Sekarang ini lebih kurang sama. Kalau kita import beras hancur untuk buat bihun pun dah RM2,006-RM2,007. Dulu kita boleh dapat dalam sekitar bawah RM1,800. Sekarang tak. Makna di peringkat dunia pun dah kira kalau beras itu, walaupun dia hancur 30, dia anggap sebagai beras dan dijual dengan harga pasaran dunia juga. Itu yang berlaku.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Demand-supply* isu ini.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Demand-supply* ya.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya. Betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh terangkan tentang soalan...
[Disampuk]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi itu boleh pertimbanglah? ST15 boleh perkenal balik tapi *kena close monitoring?*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ...soalan Shah Alam tadi.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya, ST15 boleh diperkenalkan tetapi YB akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaanlah. Kalau kita kena tanggung lebih kurang dalam RM2.4 juta, kita ambillah 40 per cent. Jadinya, beban kepada kerajaan terutamanya Kementerian Kewanganlah untuk kena menyediakan satu kos subsidi yang besar yang dimanfaatkan bukan orang kaya sahaja dan warga asing akan ambil beras-beras ini. Ini akan jadi ketirisan berlaku dalam dan kami kena berjumpa balik dalam PAC yang akan datang. Kena menjawab balik benda yang sama.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ST15 ini dia *government-subsidised*-kah?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya. *Subsidised.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But dia must be on actual cost.* Beras hancur ini *much cheaper.*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *That one* ini yang *subsidised 100 per cent, subsidized by government.*

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: *Mic.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Seorang Ahli: Jawab ataupun komen.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Betul YB. Ada sedikit perbezaan *nomenclature* SSL dengan SSR. Kami pun telah merujuk DOSM berkenaan dengan perkara ini dan SSR sebenarnya yang

diguna pakai. Jadi, merujuk kepada pengeluaran daripada ladang atau pun *the upstream* punya *production*. Selepas itu, *the net* itu *is after we look through the other process*-lah; yang *downstream*, zakat dan sebagainya. Itu sebab kita guna SSR itu masih di peringkat 63 peratus kerana definisi itu merupakan pengeluaran di peringkat ladanglah contohnya. Jadi, bagi pengeluaran negeri-negeri dengan pelekat tadi itu, saya serah kepada penguat kuasa.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Pertama, dari segi pengeluaran. YB kata negeri Kedah mengeluarkan lebih kurang dalam 38 hingga 40 peratus untuk rakyat Malaysialah dan di Kelantan juga antara yang terbesar. Di Selangor, kebanyakan ladang-ladang yang ada adalah 60 per cent buat benih padi yang digunakan balik, *recycle* balik untuk dihantar ke negeri-negeri lain sebab – kenapa dia pilih Selangor? Sebab Selangor sistem pengairan yang lengkap dan cara menanamnya lebih efisien daripada negeri lain. Maknanya kalau kita nak buat benih mesti dalam dia punya pemutuan bawah 14 peratus dan kena mendapat *tujuh metric ton* ke atas baru boleh dijadikan sebagai benih padi sah yang kita edarkan. Itu yang Selangor tidak cukup beras.

Kedua, sistem di Malaysia ini bukan kita menggunakan negeri. Kita menggunakan sistem pembedaan dan juga peruncitan. Maksudnya kalau di Kedah pun dia kena hantar dia punya pemborong di mana cawangan dia. Maknanya tidak ada di Kedah...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kerbau lembu tak bolehlah, dia kena *check*. Tetapi beras tak *check*-lah, lajulah. Kalau *check* kita nak *stop* dekat Kedah dahulu. Nak *juai mahai* lagi kat Selangor. *Depa* buat benih pun harga *mahai*.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kecualilah kalau kita ada dua sistem. Satunya, padi di-*control* oleh kerajaan dan beras diproses oleh swasta. Tetapi sekarang ini kita buat pasaran terbuka. Dibuat oleh kedua-dua oleh pihak swastalah. Maknanya mereka – kalau tidak mengikut kenegerianlah, dalam segi peratus dan juga agihan beras. Sebab itu jangan cakap walaupun Kedah cukup beras tetapi sebenarnya dia punya kilang pun banyak di sana dan pemborong pun diedarkan di seluruh negaralah. Itu dia punya itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry* ya. Saya nak minta penjelasan tentang SSR 52 peratus tetapi apabila kita umumkan ada lebih kurang 62 peratus macam itu. Apakah perbezaan? Kenapa daripada SSR 62 peratus sekarang *drop* kepada 52 peratus?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: YB sebab *mainly* tiga perkara yang tadi. Apabila SSR diumumkan sebagai 62 atau 63 maksudnya adalah hasil pengeluaran daripada ladang. Jumlah yang keluar daripada *upstream activities*-lah. Tetapi selepas itu bila kita kata *net effect* itu ialah apabila selepas keluar dari situ ada yang digunakan khusus bagi kontrak-kontrak kerajaan, digunakan untuk *downstream activities* yang tidak pergi keseluruhannya kepada pasaran dan ketiganya ialah berkaitan dengan zakatlah. Agak besar juga, *significant numbers* juga peratusannya yang pergi kepada zakat. So, I think when we take that on board YB, so the ballpark figure is about 52 to 53 per cent yang tinggal untuk kegunaan bagi pasaran umumlah. Maksudnya *public* dan rakyat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Datuk KSU dan Pengarah. Soalan pertama saya dalam laporan ini dia menyebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi masa sehingga 20 Mac untuk kementerian dan agensi berkaitan menentukan secara tepat harga padi dan harga beras. Dia ada baki lebih kurang sembilan hari lagilah untuk kementerian membuat pengumuman ya dan penetapan itu. Jadi, sama ada nak tunggu 20 Mac ataupun nak beritahu pada kami hari ini.

[Ketawa]

Okey, itu satu.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Boleh bagi gambaran, YB. Gambaran, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi jawapan bocor dulu ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Itu soalan pertama. Kedua, saya melihat – saya tak sebutlah persengketaan tetapi cuit-mencuit di antara Pengerusi Kluster Makanan NACCOL dengan ketua pengarah itu sangat tidak baik sebenarnya kepada industri, kepada rakyat sendiri. Maknanya seolah-olah kita sedang bergaduh untuk nak selesaikan masalah besar ini. Jadi, perlu adalah kebijaksanaan bagaimana nak selesaikan masalah ini ya sebab rakyat tak nak tengok bergaduh. Nak tengok harga beras okey, *clear*. Harga padi *clear* untuk petani. Jadi, Datuk Azman dia lebih fahamlah ya macam mana nak menyelesaikan masalah ini.

Ketiga, saya nampak dari segi kita melihat isu yang tak senang itu manipulasi *packaging* beras tempatan import itu nampak berterusanlah. Saya nampak di situ antara puncanya ya. Maknanya orang boleh buat – banyak dah sangat ditimbulkan dalam media. Dia buat ambil *sticker* dia lekat sahaja beras tempatan itu, diletakkan

import. Jadi hinggakan kita tak boleh beza dah. Nak masuk ke makmal Datuk Azman, ambil masa dan nampak agak tidak praktikallah kalau nak *clear* semua. Jadi, saya mencadangkan untuk kementerian juga melihat satu modul daripada Kerajaan Jepun. Saya bincang hari itu, sebut sikit ya. Jepun dia pun ada masalah yang sama macam kita, manipulasi beras tempatan dan beras import ini.

Jadi, satu kaedah yang dia buat ialah semua *packaging* itu dikeluarkan oleh kerajaan. Maknanya pengilang kena beli dari kerajaan beg itu. Berapa harga, berapa sen?. Kerajaan yang keluar. Kerajaan yang *control*. Maknanya kerajaan boleh tahu kilang mana yang import, bawa beras import dan mana yang khusus daripada Bernas ataupun pengilang tempatan. Jadi, itu antara yang mungkin boleh diteroka oleh kementerian kaedah untuk ke depan ini. Kalau tidak, kalau kita tak boleh selesai *packaging* ini, saya ingat sampai bila kita tak akan dapat nak sekat *manipulate* daripada pengilang-pengilang yang tamak ini. Jadi, itu dulu. Obligasi beras ini mungkin selepas *slide* ini. Terima kasih.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kalau saya boleh sedikit menyentuh mengenai dengan beras Malaysia MADANI yang telah dikemukakan tempoh hari. Di peringkat kementerian sangat terbuka berkenaan dengan cadangan berkenaan. Kita sedia maklum bahawa cadangan tersebut datang daripada inisiatif Ahli Parlimen Bukit Gantang sendiri.

■1520

Banyak sesi libat urus yang telah kita laksanakan dan juga mendapat panduan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Bila kita laksanakan libat urus apabila cadangan itu mula-mula dibangkitkan, kita faham bahawa *the two-pricing structure*. Beras putih tempatan pada RM26 dan beras putih import yang mana tidak dikawal itu lebih kurang RM36, RM37, RM38 ke RM40 itu memang merupakan satu cabaran.

RM26, 18 tahun dikekalkan. Jadi, bagi pesawah dengan pengilang, ia merupakan satu isu yang sangat besar. Bila kita dapat cadangan mengenai dengan beras madani, diberikan cadangan bahawa — saya gunakan *short form*, BMM *lah*. Digunakan bahawa BMM ini adalah satu harga, satu gred. Maksudnya tiada beras putih tempatan, tiada rujukan beras putih import. Ia satu gred sahaja pada harga RM30.

So, kita melihat bahawa bagaimana kaedah satu gred ini dan satu harga ini boleh dicapai. Kalau kita lihat pada beras putih tempatan, ia merupakan satu perkara yang positif. Maksudnya daripada RM26, sekarang beras putih tempatan jadi RM30, contoh. Jadi, ini mungkin memberi satu kelegaan kepada pesawah dan jika dijual

pada harga RM1,700 misalnya, RM1,500 yang RM300 lebih daripada harga lantai dan pengilang pun saya rasa lega.

Tapi, itu hanya setengah daripada ceritanya. Bagaimana pula *treatment* untuk BPI? Adakah daripada RM35, RM36 akan turun kepada RM30 di mana BERNAS akan sama ada *absorb that cost of RM5, RM6* ataupun kerajaan yang kena *absorb* melalui insentif dan sebagainya?

In this case, di mana libat urus yang kita laksanakan ia adalah terlalu besar bagi kerajaan untuk menanggung RM5 atau RM6. So, misalnya kalau BERNAS bawa masuk dengan harga RM3,000 untuk jual balik RM30, maksudnya dia kena jual balik pada pengilang pada RM2,500.

So, who is going to absorb? Jadi, cerita Beras Malaysia MADANI ini dia *half of the story*. Kita *tak* jumpa penyelesaian kepada BPI itu selagi mana kalau *tak* ada mana-mana pihak yang sanggup *absorb* kos yang sebegitu. Maksudnya setiap bulan, lebih kurang kita *calculate* RM94 juta *would have to be absorbed by any party lah*. Jadi, cadangan tersebut masih lagi [*Ketawa*] dilihat...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi saya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey Datuk, *I think* kita *proceed* dengan ini sebab kita fokus yang utama.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Satu, *last one*, satu, *last one*. *Simple*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Hah?* [*Ketawa*]

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pembeli BERNAS, pembeli terakhir, apa maksud dia?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Buyer of the last resort?*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Contohnya sekiranya *tak* ada beras...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Padi, padi, padi...

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Tak* ada padi dalam negara, *tak* ada di pasaran, BERNAS kena masuk *to intervene* dan memastikan bahawa ia perlu ada dalam negara.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia bukan, bukan, bukan juga berdasarkan kepada harga?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, kalau...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That mean* siapa *nak* beli beras padi di tempat itu, dia kena bayar harga lebih daripada BERNAS?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, okey. Saya ada senario yang mana kalau tiada pengilang yang ada *nak* beli padi daripada pesawah tersebut...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Maksudnya, BERNAS akan datang dan membeli semua padi tersebut menghasilkan ia...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia sistem ini sudah kita buat dulu untuk getah, *natural rubber*, kita tubuhkan MARDEC Berhad. *I was in MARDEC Berhad for nine years*. Dia pembeli terakhir, maksudnya dia ada ejen di seluruh — banyak kawasan-kawasan di seluruh negara. Siapa juga *nak* beli getah, getah ini *full latex* ataupun getah sekerap ini, dia kena beli harga lebih tinggi daripada MARDEC *offer*. Bawah daripada MARDEC, MARDEC akan beli semua.

So, dia, dia kontrol dari segi bekalan dan juga dari segi harga. Menentukan *there is a minimum price, the pengilang need to pay in order to get the rubber to process into latex concentrate of Standard Malaysian Rubber*.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Datuk Azman...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But* kita buat *dah* untuk getah. Tapi sekarang MARDEC dibeli oleh syarikat swasta, *so tak* ada lagi...

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita untuk harga lantai dalam RM1,300. Maknanya sekarang yang RM1,300 walaupun kita *tak* ada kilang *nak* beli, akhirnya BERNAS menjadi pembeli terakhir, RM1,300 tapi pesawah pula yang akan memberontak. Dia *tak* akan menjual padi dengan RM1,300. Maknanya, benda itu, kalau berlaku pun mungkin pilihan terakhir kerajaan.

Makna kita juga kena *protect* ini...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ini mungkin dia kena ubah suai benda ini...

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ubah suai, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Cuma RM1,750 and RM1,300. *There's must be a midway somewhere, whatever.* Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry, soalan sikit. Tentang, buyers of last resort ini, saya nampak bahawa kerajaan spent about RM1.4 billion, okey. RM1.359 billion dan untuk buyers of last resort. Tetapi sebenarnya saya nampak bahawa sekarang, beras tempatan menjadi rebutan pengilang. Sebenarnya semua pengilang nak beli. So, actually BERNAS tidak melaksanakan — tidak perlu melaksanakanlah obligasi tersebut sebab RM1.35 — so, they save RM1.35 billion.*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Correct.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Betul *tak*? Ini soalan pertama. Jadi, kalau mereka *save RM1.35 billion*, adakah mereka menggunakan duit ini kembali kepada kerajaan? Bagaimana mereka membantu petani atau membantu negara? Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Sik, Sik punya soalan tak jawab lagi.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ya. [Ketawa]*

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Sik dulu.*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: YB ini, YB Sik, yang pertama *tak* ada pergaduhan antara saya dengan YB Bukit Gantang. Saya pada 6 Februari menjemput beliau di pejabat saya untuk menerangkan tentang taklimat industri padi dan beras secara keseluruhan dan dia faham benda itu.

Bila dia nampak benda ini tidak *mem* — apa itu? Mengikut rentaknya, orang yang pertama yang dia *attack*, saya, sebagai KP kawal selia padi beras. Dia *tak attack* KSU, dia *tak attack* YB Menteri...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Memang dia *attack* sebab...

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Dia *attack* Azman.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Adam Ahmad kata dia pun *business* beras. Dia pun buat *business* beras. Itu saja cerita dia.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Itu, itu kelayakan dia sebagai ini untuk ini jadi —kilang beras. Siapa-siapa pun boleh. *Even* YB pun boleh jadi, jadi, pemborong. Itu saya tak nak campur. Tapi, isu dia sekarang, kita kena bersifat rasional untuk menyelesaikan isu rakyat. RM2.60. Memang pengguna *nak* RM2.60. Tetapi, pesawah tak ada *motivate* lepas ini akan tanam padi. Saya takut, akhirnya nanti, tak ada tanah sawah ini lagi di Malaysia.

Apa yang terjadi di Johor, di Negeri Sembilan dan Melaka kerana *motivation* untuk menanam padi tidak ada pada pesawah. Kita kena fikir secara bersama. Bukan setakat saya sebagai KP kawal selia padi dan beras, seluruh Ahli Parlimen dan juga seluruh kepimpinan negara kena memikirkan isu hal rakyat. Kita tak boleh bergantung lagi dengan import. Kita tak tahu apa akan berlaku cuaca akan datang.

Ini akan jadi bebanan kita akan datang. Kalau liabiliti beras tak ada, saya rasa rakyat akan mengamuk. Sekarang isu harga sahaja bukan isu tak ada beras. Itu yang perlu kita kena fikirkan secara bersamalah. Ya, YB.

[Pembesar suara dimatikan]

Model Jepun kita sambut baiklah YB. Kita kena melawat Jepun dulu. Sebab YB seorang faham, saya tak faham. Kita kena — biar keseluruhan kerajaan faham. *Nah* YB, kita ajak YB sekali ke Jepun...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dengan *buyers of the last resort* tadi. Soalan pertama adalah — ya.

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [Syarikat Padiberas Nasional Berhad]: Dengan izin YB. Saya Abdul Rahman bin Mohd Nasri. *On behalf of BERNAS*. Cuma *nak* orang kata *explain* tentang *buyers of the last resort*.

Di bawah orang kata obligasi *buyers of the last resort*, *RM1.359 billion over 10 years* punya *concession*, kita ada *purchasing center* kita yang kita kena *maintain*, ya. Dalam sekurang-kurangnya dalam 28 *purchasing centers* yang kita kena *maintain*. Tak semestinya pada masa padi itu adalah orang kata *on high demand*, *we don't have to run these purchasing centers*. *Because the purchasing center*, kita mesti kena ada.

Then, every year kita akan orang kata bila *buyers of the last resort*, *there will be tendency* ataupun keadaan yang mana petani-petani in yang padinya tidak berapa baik, yang terkesan akibat cuaca *especially the last two years* ini. Kalau kita tengok tahun 2022, tahun 2023, jumlah padi yang dihasilkan dalam negara adalah yang terendah dalam, dalam sejarah ya, 1.57 juta tan pada tahun 2022 dan 1.44 juta tan

pada tahun 2023, ya. Makna kata ada 300, 300 ribu lebih tan kurang dan kebanyakan padinya adalah *tak* berapa baik, ya.

Kalau *you* tanya rata-rata pengilang-pengilang *recovery* kalau biasa boleh dapat 63, 65, sekarang ini mungkin dalam 58, 60 saja. *So, these are some of the cost* yang kita kena tanggung juga. Terkena banjir, yang terkena penyakit, kalau padi ini datang ya, *the only commodity at the moment* yang dijamin dia punya pasarnya adalah padi, ya yang mana BERNAS *is the buyers of the last resort*.

■1530

So, kalau ada padi-padi yang datang tak kira - *it regardless of the quality*, BERNAS kena beli. *So, that's the – the* orang kata *obligation* yang kita laksanakan. *Those are the cost* yang kita kena tanggunglah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi, walaupun *you* beli sekarang *rice is selling at hot cake*, ya. Semua pengilang berebut-rebut untuk — jadi dia naik daripada RM1,300 sampai RM1,750. *So, it's like, selling like hot cake*. Jadi, untuk *you* punya *center-center* itu mungkin *you* punya *business* kurangnya. *Anyway you* beli dengan mereka pun, *you* pun jual juga, ya. *So, why are we spending 1.5 almost RM1.536 billion?* Saya rasa tentu ada penjimatan dari segi itu kan untuk obligasi tersebut?

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)]: Untuk kos-kos obligasi yang BERNAS tanggung, kita tak terima geran ataupun *fund* daripada kerajaan. *This is the fund* ataupun perbelanjaan yang kita kena tanggung daripada operasi yang kita jalankan.

So, this is where the saving yang datang kepada kerajaan lah. Jadi, *if we look at the other way around these are actually the saving* yang kerajaan tak perlu belanjakan. BERNAS yang kena tanggung *because* kilang-kilang yang kita ambil pun daripada kerajaan. *We have to run the kilang until today. So, these are* ini kita takut nanti kalau ada kesilapan – salah faham sebab kadang-kadang orang kata *amount of money* ini diberi kepada BERNAS tetapi kita – kita *this is something* yang kita orang kata kita belanjakan *as a result of concession* yang diberikan kepada BERNAS.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit lagi berkaitan dengan tadi obligasi BERNAS itu. Tadi disebut penurunan hasil kita sesi yang – yang lepas ya, musim kedua lepas ya. Jadi, saya dimaklum di MADA sendiri pun ada kekurangan dan dikatakan puncanya ialah penurunan hujan yang berlebihan, ya?

Jadi, bagaimana dalam obligasi yang disebut Dana Bencana Tanaman Padi RM100 juta itu? Jadi, nak dilihat bahawa ia juga sama ada – ada kaitan bahawa yang terbaru kes ini ada obligasi di pihak apa BERNAS ataupun bagaimana kita nak

definiskan bencana itu sendiri, ya. Sebab kita tak nak nanti BERNAS dia – dia kata ini bukan bencana dan sebagainya. Bagaimana nak *clear* kan benda itu bahawa kesan juga ialah kita nak pastikan BERNAS ini laksana obligasi yang dia dah janji dengan kita ini?

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)]: Dengan izin, ya. Okey.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Berkaitan dengan soalan, sebenarnya BERNAS menyediakan RM10 juta ini setahun ataupun RM100 juta untuk sepuluh tahun dia masukkan kepada tabung ini – tabung amanah di bawah kementerian. Bukan BERNAS yang tafsirkan tentang bencana. Bencana akan diuruskan. Pertama, petani sendiri akan buat laporan polis yang pertama.

Kedua, Jabatan Pertanian Daerah akan buat laporan dan angkat kepada Jabatan Pertanian Negeri dan angkat pada Jawatankuasa Tabung Bencana di peringkat kementerianlah. Maknanya, selepas itu kita akan bayar berapa jumlah. Pertama dia ada dua kategori. Kita hanya bayar tiga hektar pertama. Kalau padi di bawah 71 hari kita akan bayar RM876 per hektar. Kalau padi melebihi 71 hari, maknanya kita akan bayar RM1,800 tapi hanya tiga hektar pertama. Tapi untuk jangka panjang, kerajaan akan memperkenalkan Skim Tabung Takaful Insurans ini akan diperkenalkan dan kaedahnya kita akan *cover* seberapa banyak, berapa kerosakan yang ada. Itu penambahbaikan yang cuba kerajaan buat pada era yang ada ini lah. Okey YB?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya rasa kita boleh *move* kepada syor kedua. Sebelum kita pergi kepada syor kedua, saya nak memperkenalkan ahli dan juga anggota ahli PAC yang baru iaitu Yang Berhormat Dato' Adnan iaitu Ahli Parlimen Kuala Pilah. [*Tepuk*]. Menggantikan Datuk Noraini Ahmad yang telah pun dilantik menjadi Timbalan Menteri. Jadi, selamat datang PAC Malaysia ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Adnan daripada Kuala Pilah. Ini lah rupanya PAC, ya. [*Ketawa*]...

Seorang Ahli: Kopi sedap [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kopi sedap. [*Ketawa*]. Okey. Kita teruskan pada syor yang kedua, sambung. Bertolak-tolak, ya.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: [*Ketawa*]. Seterusnya syor PAC yang kedua yang mengenai memantau Akuan Amanah Dana Obligasi Sosial Bernas BERNAS. Ini dilaksanakan melalui struktur yang telah pun dipersetujui seperti di dalam perjanjian konsesi. Maksudnya,

kita telah ada Jawatankuasa Akaun Amanah itu sendiri untuk melihat bagaimana dana obligasi sosial yang diberikan pada BERNAS dilaksanakan, digunakan dan juga ditadbir urus.

Setakat ini kita telah pun ada beberapa mesyuarat untuk melihat kedudukan Akaun Amanah tersebut khususnya bagi obligasi tujuh hingga yang ke sepuluh yang mana peruntukan yang datang atau diberi oleh BERNAS tersebut masuk ke dalam Akaun Amanah berkenaan.

Jadi, dalam jawatankuasa Akaun Amanah terdiri daripada KSU kementerian sebagai pengerusi dan juga mempunyai ahli-ahli wakil daripada *central* agensi termasuklah daripada MOF, DOA, MARDI dan juga daripada PUU ataupun akauntan. *Sorry*, minta maaf Peguam Negara – Pejabat Peguam Negara untuk memastikan bahawa urus tadbir dan juga tata kelola bagi Akaun Amanah ini dilaksanakan dengan baik dan betul.

Seterusnya, boleh saya beralih ke syor yang ketiga, Datuk Wira Pengerusi? Terima kasih. Syor ketiga adalah berkenaan dengan memastikan bahawa BERNAS menyalurkan dana obligasi tepat pada masa dan selaras perjanjian konsesi.

Ini juga dipantau dan dikelola oleh Jawatankuasa Pemantauan (*Monitoring Committee*) di bawah konsesi ini dan jawatankuasa ini juga diwakili oleh kementerian di mana KSU sebagai pengerusi dan diwakili oleh dua – tiga *central* agensi iaitu Kementerian Kewangan, Ekonomi dan juga UKAS termasuk satu daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Kita telah pun melaksanakan berapa mesyuarat yang terakhirnya ialah pada 7 Mac yang lepas dan melihat bahawa setakat ini beberapa obligasi yang telah pun dilaksanakan dengan baik melalui KPI-KPI yang telah ditentukan.

Sungguhpun begitu ada sedikit permohonan daripada mesyuarat berkenaan adalah memastikan bahawa apabila KPI tersebut disemak semula untuk memastikan ketepatannya, pengesahan daripada pihak peringkat kementerian ataupun projek *owner* iaitu di Bahagian Padi, Pengurusan Industri Beras dan Padi dapat disahkan dan di verifikasikan. So, kita ada tiga *layers* lah yang di – maklumat yang disediakan oleh BERNAS, yang dah disemak dan disahkan di peringkat kementerian sebelum ia naik ke jawatankuasa untuk disahkan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Setakat ini Datuk sebagai KSU ya? Macam mana Datuk tengok dari segi perjalanan *committee* ini dan juga respons maklum balas daripada mesyuarat yang dibuat? Boleh tak Datuk bagi tahu secara ringkaslah.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Pada 7 hari bulan, apabila maklumat dan KPI tersebut diangkat walaupun pemarkahannya jauh mengatasi daripada apa yang kita tetap bawah perjanjian konsesi. Tapi pada 7 hari bulan itu, mesyuarat tidak lagi mengesahkan atau menerima pencapaian-pencapaian tersebut.

Satunya ialah kita hanya mendapat pemakluman daripada BERNAS yang mengakui mereka telah menerima dan kita telah menghantar di peringkat pegawai untuk menyemak sama ada di lapangan adakah benar penambahbaikan tersebut telah dilaksanakan dan pencapaian-pencapaian di bawah obligasi tersebut telah di telah dibuat.

Tetapi, kita dapati bahawa isu urus tadbir tata kelola yang mana dipersetujui oleh Kementerian Kewangan, Ekonomi dan UKAS ialah apabila tidak ada penyemak semula atau pengesahan dibuat di peringkat kementerian.

Jadi, kita telah mohon pada 7 hari bulan tersebut untuk ditangguhkan daripada kita mengesahkan keputusan tersebut walaupun 92 peratus sehingga kita mendapat pengesahan sebenar dan juga penyemakan semula yang sebenar yang ditandatangani di peringkat PIP lah ataupun Pembangunan Industri Padi sendiri.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau saya boleh tanya Datuk KSU. Salah satu obligasi adalah pembangunan *stockpile* benih. Okey. Jadi, sepatunya kalau obligasi ini dilaksanakan mengikut cadangan syor PAC.

■1540

Maka tidak akan berlaku kekurangan benih tetapi kami dimaklumkan bahawa masih berlaku kekurangan benih di mana benih lewat sampai di MADA dan sebagainya. Boleh minta sedikit penjelasan?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Dalam isu *stockpile* benih ini, maksudnya benih-benih itu mempunyai *stockpile* seperti padilah. Dalam kes ini, kita belum ada sistem di peringkat BERNAS ini yang memberikan peruntukan untuk kita wujudkan *stockpile* tersebut. Walaupun di MARDI ada tetapi untuk kita menampung *stockpile* bagi satu negara itu di mana di sinilah peruntukan tersebut digunakan.

Hari ini peruntukan telah pun disalur sebanyak RM2 juta setiap tahun sepanjang konsesi tersebut. Sehingga hari ini, BERNAS telah pun memberi peruntukan dan menyalurkan peruntukan ke akaun amanah. Kita telah pun bersidang di peringkat akaun amanah *stockpile* benih dan meluluskan beberapa tindakan susulan dan juga projek *infra* yang perlu dilaksanakan.

Jadi, mengenai dengan penghasilan benih yang itu adalah di peringkat lapangan. Maksudnya pengilang mengeluarkan benih dan menyampaikan kepada pesawah. Itu proses yang berbeza dengan proses di bawah obligasi sosial ini yang mana kita yang ingin membina *infra* yang baru untuk memastikan kita dapat wujudkan satu *stockpile* benih bagi menampung bekalan benih seluruh negara. Untuk lapangan, mungkin Datuk Man.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Untuk yang dimaksudkan oleh YB adalah kekurangan benih di lapangan. Keperluan benih di dalam negara sebenarnya yang kita keluarkan 72,000 *metric ton* ataupun lebih kurang separuh daripada itu. Tetapi keperluan sebenar yang diguna pakai oleh petani hampir dah 90,000 *metric ton*, itu yang berlaku. Kerana kalau ikut formula yang kita benarkan, satu hektar perlu dipakai lebih kurang tujuh beg ataupun 140 kilo untuk nak tanam padi. Tetapi bila rata-rata kita turun ke bawah, kerana dengan faktor cuaca dan juga yang lain-lain itu menyebabkan petani pakai antara lapan hingga 12 beg. Maknanya keperluan lebih daripada permintaan.

Maka dengan kita memperkenalkan satu gelombang padi, salah satu inisiatif pertama adalah kita memperkenalkan konsep baru benih padi sah di mana kita tambah kuota benih padi sah yang ada daripada 72,000 kepada 86,000 yang kita akan masuk kepada Jemaah Menteri. Kedua, kita nak pastikan supaya ada *stockpile* setiap hektar kita akan tambah tiga beg. Maknanya kita perlu ada – takut jangka panjang berlaku kecemasan, banjir kita perlukan satu *stockpile* benih per hektar tiga beg.

Ketiga, inisiatif benih padi sah ini hanya dipakai untuk Semenanjung Malaysia tapi kita bercadang dalam dasar baru ini kita panjangkan juga di Sabah Sarawak sebagaimana YB Pengerusi cadangkan supaya kita juga tingkatkan hasil di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan benih padi sah di Sabah dan Sarawak.

Sekarang ini kalau ikut purata di Sabah dan Sarawak, 1.8 hingga 2.8 *metric ton* sahaja di Sabah. Ini kita boleh tingkatkan sampai lima tan ataupun empat tan kita dah boleh menampung SSR ataupun meningkatkan SSR negara pada keseluruhannya.

Tuan Sim Tze Tzim [Ahli PAC]: Kalau boleh saya tanya soalan susulan. Kita nampak bahawa RM20 juta atau setiap tahun RM2 juta sahaja untuk diperuntukkan untuk *stockpile* benih padi negara. Tetapi berbanding dengan *stockpile* beras negara adalah RM944 juta. *There is a huge difference*. Jadi saya nampak bahawa – soalan saya adalah *infra* kalau RM2 juta setahun, adakah cukup untuk memastikan bahawa

benih padi *stockpile* itu mencukupi untuk keperluan negara? Nampaknya ada keperluan yang banyak tetapi peruntukan itu sangat rendah.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita bukan bercakap fasal *end product* ini YB, kita bercakap tentang benih asas.

Tuan Sim Tze Tzim [Ahli PAC]: *Infra* kan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Benih asas sahaja. Maknanya kita sekarang ini di MARDI hanya ada tiga kawasan. Kita nak kurang-kurang kena ada lima kawasan. Kalau benih asas itu berlaku penyakit, kita boleh *flushing* dan kita gunakan tapak yang baru. Makna itu keperluan RM2 juta hingga RM20 juta itu adalah lebih kepada benih asas supaya kalau kita buat macam beras, benih boleh bertahan hanya tiga hingga empat bulan sahaja. Kalau kita lupuskan, kita akan kerugian. Sebab itu *stockpile* benih ini kita lebih kepada *trading stock*. Kita tak boleh pakai pada konsep *stockpile* bagaimana yang kita buat dalam pendekatan beras. Beras boleh bertahan sampai setahun. Benih hanya tiga, empat bulan sahaja itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kita *move to* ini – *next*.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira dan ahli. Seterusnya mengenai dengan syor keempat berhubungan dengan data yang perlu diintegrasikan dan dikemas kini khususnya bagi pesawah untuk pembayaran SSHP. Jadi, kita telah pun melaksanakan – saya ingat lagi semasa di bilik ini perbincangan mengenai dengan integriti data yang diperlukan apabila menyemak kepada data yang sedia ada di bawah BERNAS khususnya bagi penerima SSHP.

Dengan ini kita telah melaksanakan beberapa libat urus susulan daripada syor PAC dan semakan-semakan yang telah dilaksanakan pada 31 Januari 2023 antara salah satu daripadanya. Kemudian pada 24 Mei tahun lepas dan juga yang terkini adalah 7 Februari. Kalau kita lihat ada sedikit perbezaan tetapi data-data tersebut yang kita semak silang bersama dengan JPN adalah data-data yang terkini.

Sememangnya akan wujudlah beberapa *discrepancy* kalau berbanding kerana ada antara pesawah yang melaksanakan sawah pada masa itu, ada yang tidak melaksanakan, ada yang telah meninggal dan sebagainya. Ini juga kita telah mengambil maklum syor daripada PAC dan telah melaksanakannya jua.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Boleh, Datuk Pengerusi. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Betong ada soalan?

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Timbalan Pengerusi. Yang berbahagia Datuk, soalan – saya nak tanya mengenai sistem pembangunan data ini tadi sama ada dibangunkan untuk – kalau kita lihat dari segi *supply chain* padi dan beras ini untuk menghasilkan beras putih tempatan – untuk kita mengetahui *traceability*. Contohnya di beras putih tempatan (BPT) A ini tadi *you* tahu dari mana kilang dia, siapakah pesawah dia. Jadi, soalan saya sama ada pembangunan data padi beras ini ada mengambil kira asal-usul *end product* yang kita ada itu supaya kita tahu contohnya *packing* beras ini berasal daripada ladang mana, daripada kilang mana. Itu soalan saya.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: SMART Padi yang kita cuba perkenalkan yang di bawah RM22 juta itu ia merangkumi bukan setakat isu tanah, juga kita nak tahu pesawah punya *profiling* dan juga sehingga peringkat pengilang padi, pemborong dan juga peruncit. Kita memang itu yang tujuan kita asal adalah untuk mengesan ke mana dan juga bagaimana kita nak meningkatkan hasil padi terutama kalau kehilangan beras BPT itu, itulah sistem itu yang akan membolehkan kita *trace* dekat mana perginya kilang, mana dijual, kita ada rekod semua itu menggunakan sistem yang kita panggil SMART padi itulah.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: So, bila agaknya sistem itu dapat diguna pakai ataupun *just...*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seseorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Next slide.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Untuk syor keempat ini, *since* kementerian sudah *start* semak jumlah pesawah itu, boleh saya tahu ada data *profile* umur semua pesawah tak? Boleh kita tahu sama ada pesawah kita semakin tua dan tak ada anak muda yang *join* sekali.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *[Ketawa]* Ya, betul.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Secara rawaknya, pesawah kita rata-rata berumur 55. 60 per cent adalah 55 tahun ke atas. Tapi *the details* kita akan hantar secara bertulis kepada YB. Okey?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, baik.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jadi ekoran itu juga, siapakah yang meneruskan *all this labour*, kerja-kerja sawah dan sebagainya? Memang ada *mechanisation* sudah tapi *you still need people*, kan? *This original* pesawahkah ataupun soalan saya, orang asing?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: YB, sebelum Datuk Azman mungkin saya sentuh sedikit daripada segi dasar. Saya rasa kita lihat pada keseluruhan faktor yang telah diperbincangkan sebelum ini.

■1550

Satunya, *of course* masih ada yang memikirkan bahawa pertanian ini adalah masih 3D lagi. Tapi bila masuk ke elemen *mechanization and automation* ini, ia dapat mengurangkan. Tapi struktur yang di bawah padi dan beras ini khususnya adalah berkenaan dengan harga itu juga. Bila kita lihat harga yang dibeli atau ditetapkan pada RM26 dan masuk harga belian padi pada RM1,400– kita telah membuat pengiraan.

Pada harga RM1,400 sewa, belian padi bersamaan dengan RM500 output insentif iaitu SSHP ini, Skim Harga Padi ini, pengeluaran. Kalau kita ambil daripada segi pro rata keseluruhan pesawah yang ada di Malaysia, mereka hanya mempunyai lebih kurang 1.3 hektar. Jika kita buat pengiraan itu sendiri, maksudnya– *and you look at the monthly income*, hanya lah dalam lebih kurang RM984 ataupun RM900 setiap bulan. Itu hanya pendapatan kasar. *[Disampuk]* Tak tolak kos lagi.

Maka ini bukan lah– orang kata, satu motivasi dan kita perlu lihat pada...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu pesawah. Belum pekerja. *The pesawah itself* hanya RM900?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, betul. Lebih kurang RM900 jika harga belian padi itu adalah sekitar RM1,300, RM1,400, campur lagi dengan SSHP yang mana dah ada kenaikan pada pertengahan tahun lepas daripada RM360 ke RM500 yang kerajaan berikan. Maka, *that's not so inspiring. I think especially for youngsters might as well they do Grab, might as well they do gig economy*. Kita fikir ini adalah antara cabaran-cabaran dia.

So that bila nak melihat struktur padi dan beras itu untuk meningkatkan penyertaan orang belia itu, *I think that's a lot of things that needs to be imputed* dan lain-lain lah. Kalau kita naik pada RM1,700 pun YB, dan kita buat pengiraan RM1,700 dengan *prorate* 1.3 hektar per pesawah, jadi dia punya gaji hanyalah lebih kurang

RM1,200 ke RM1,500 sebulan kasar. Belum tolak lagi kos-kos– kos dron, kos baja tambahan dan sebagainya.

So maksudnya, ia adalah satu cabaran dan tidak mustahil bahawa kita lihat penurunan ladang atau kawasan bersawah itu tiga tahun yang lepas itu berkurangan kerana ramai yang *either they don't do, they don't work on the land* ataupun *they have actually turned the land into something– you know* jadi tanaman nanas kah ataupun saya tak tahu kalau di Tumpat ada ketum kah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Datuk, sikit saja berkaitan dengan data kita ini. *Basic* sahaja. Maksudnya, pengelasan pesawah ini sama ada dia bekerja sebagai pesawah ataupun dia pemilik kepada tanah sawah itu? Jadi bagaimana kalau diklasifikasikan?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kalau di bawah BERNAS, mereka adalah pemilik dan bekerja di atas sawah tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maknanya...

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Sebab dia kena– SSHP ini dia sendiri kena pergi dan jual pengeluaran padi itu ke kilang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Walaupun dia bukan pemilik kepada tanah sawah itu atau bagaimana?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Bukan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Bukan macam mana?

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [BERNAS]: Dengan izin YB, kalaulah kata pesawah yang sedia ada dia pilih untuk tidak lagi mengusahakan tapi dia sewakan tanah itu kepada pengusaha baru, so petani yang baru ini bila dia *register*, dia kena ada *all the documents* yang menyatakan dia dah sewa– *I mean the rental agreement* itulah mesti ada lengkap dan baru kita boleh *register* dia sebagai petani yang baru mengusahakan tanah itulah. So, makna kata memang ada pesawah-pesawah yang mengusahakan atas tanah sewa dan ada pesawah-pesawah yang mengusahakan atas tanah sendiri.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Yang Berhormat Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Datuk KSU, *figures* yang Datuk bagi tadi itu dia 1.2 hektar kan? *On the part...*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Lebih kurang 1.3 hektar.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu *besaq* lah itu. pendapatan dia antara RM1,200 hingga RM1,500?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kalau harga belian padinya RM1,700, *recalling* RM1,700...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, dia *income* dalam RM1,200, RM1,500 lah?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Betul.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Hasil. Hasil mesti– *per yield* dia 3.5. Maksudnya 3.5 yang dia...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk, di Kedah ini keseluruhan dia yang ada 1.3 hektar ini tak ramai. Dia satu hektar ada 2.5 ekar ya. Jadi 1.3 itu dalam tiga ekar. Tiga ekar kali lah, relung lah dapat satu ekar dalam–satu relung 30,000 kaki, satu ekar 45,000 ekar.

So relung *a bit more* tapi Datuk, *in reality* Datuk kat Kedah ini, mula-mula tok wan ada 10 relung. Tok wan ada anak lima orang. 10 relung bahagi lima tinggal dua relung. Peringkat pak ini, peringkat anak *mai* pula, cucu ini, dua relung bahagi dengan lima. Di kampung dia anak rama,i YB. So *in the end* tanah itu *it doesn't become economic anymore*.

Sebab itu banyak lah percubaan-percubaan di buat untuk buat ladang ataupun estet padi ya. Tapi dia tak menyeluruh. Masih lagi kita kekal cara lama sebab dia bukan senang nak pergi yakinkan petani-petani yang pemilik tanah ini untuk *join the estate* padi. *This is our biggest challenge* ya. Anak-anak muda dia bila tinggal setengah relung, tinggal suku relung nak buat apa. Kalau dia nak buat pun *part time*. *Part time* lah dia buat kerja.

This is the biggest challenges for the country as a whole actually. Unless kita boleh *solve* benda ini betul-betul secara estet padi dan dapat kita yakinkan pemilik-pemilik tanah. Ertinya kalau tinggal serelung ini, saya ingat– *ish*, RM500 *kut*. Pakat tak makan apa lah. Tak cukup duit. *This is the biggest challenge* lah Datuk *since you are* KSU dekat Kementerian Pertanian. *Hopefully something big must be done* lah.

Sama juga dengan getah pun sama juga, kebun getah ya. Samalah macam cerita tadi. Akhirnya *it doesn't become economic*. Sebab itu kalau macam harga getah sekarang sungguhpun RM7 lebih sekilo bagi SMR20, yang getah sekerap itu, tapi dia tak *economic* sebab tanah dia terlalu kecil. Kemudian dia nanti *pi* pajak kah

apa— bukan panggil pajak. Di Kedah orang panggil lain. Tanah orang lain, yang *pi motong* orang lain. *Pi* menoreh orang lain. Jadi bahagi dua. Kalau hari itu dia dapat RM50, bahagi dua RM25. Pemilik tanah RM25, penoreh RM25.

So, it is becoming not economic all the way lah. Dia kena cari satu formula macam mana kita nak selesaikan masalah. Masalah ini adalah masalah negara sebenarnya. Kedah *it is okay* lah. Getah *it is okay* tapi mereka tak ada pendapatan. Kita ada *nearly one million* pekebun kecil. *So, they don't have enough income*. Padi *is worse because* dia bekalkan beras kepada penduduk negara kita. *So, it is a big issue*.

So figures kita ini kena di-*update*-kan lah Datuk. Kena *update what is the actual thing on the ground*. Ambil Kedah sebagai contoh. *Figures* yang ini pun saya pun tak pasti sama ada tepat atau tidak. Negeri Perlis— Perlis ini kecil daripada Kubang Pasu. Pesawah dia 12,951 *and yet* Kelantan hanya 8,800. Kelantan dia ada KADA. Perlis dia *share* dengan kami, MADA. Jadi *figure* ini pun nak kena *check* sama ada dia tepat atau tidak. Johor okey lah 961 sebab tak ada bendang di Johor pun. *So these numbers are dwindling* lah. Makin kurang, makin kurang setiap tahun.

Okey, itu sahaja YB Timbalan Pengerusi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada maklum balas daripada kementerian tak berkenaan pandangan YB Kubang Pasu?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kalau *solution* itu memang saya fikir YB, *has to come with the concerted efforts* lah sebab tanah ini adalah milik individu dan *private*. Untuk kerajaan itu mestilah *convince*. Tapi antara inisiatif yang cuba dilaksanakan adalah melalui usaha sawah berskala besar (SBB) yang mana kita cuba memberi input yang lebih moden, baja pembajaan, pengurusan ladang yang lebih baik supaya hasil untuk setiap hektar itu meningkat. *So, you scale-up in the sense of* kawasan yang sedia ada tersebut dan...

■1600

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya cadangkan supaya kita adakan satu transformasi Datuk. Itu Kementerian Pertanian kena fikirkan.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Sekarang ini untuk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia — Sik dulu dia Pengerusi KEDA. *Kot* dia boleh cerita *sikit* fasal estet padi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] MADA.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: MADA. *Sorry*, KEDA pula. Saya Pengerusi KEDA. MADA.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Untuk makluman YB, hari ini — Menteri tengah menjawab hari ini di Dewan tentang insentif kita, Gelombang Padi yang kita perkenalkan 12 inisiatif. Ini perlu didengar oleh semua pihak. Maknanya, ini pembaharuan yang kita akan buat pada bermula tahun ini termasuk daripada insentif benih padi sah, pengairan, tanah jerlus, sawah berskala besar, pembayaran secara *online*, memperkasakan padi huma, padi bukit dan sistem SMART padi.

Semua kita rangkumkan dalam 12 inisiatif yang baru yang cuba kita buat Gelombang Padi. Saya harap benda ini kita akan — YB tengah menjawab sekarang di Dewan dan mungkin mendapat banyak pertanyaan daripada Ahli-ahli Dewan termasuk itulah beras putih tempatan yang ini.

Kita sebenarnya ada slaid khas. Kalau kita boleh bentang tapi ambil masa yang panjang. Lebih baik kita fokus yang ini dulu dan untuk yang Gelombang Padi mungkin kita buat sesi yang akan datang *kot* kalau nak dengar tentang Gelombang Padi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kita ada satu prosiding lagi. Okey, jadi saya minta kementerian terus ke syor seterusnya kalau tak ada apa-apa berkenaan syor keempat.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Syor kelima, Yang Berhormat adalah mengenai dengan keperluan untuk membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah. Ini adalah di bawah obligasi sosial 9 dan 10. Seperti yang dikemukakan di slaid berkenaan, Yang Berhormat adalah sesi-sesi libat urus untuk kita memastikan pembangunan sistem SMART padi ini berlaku. Mesyuarat jawatankuasa *kick-off* untuk teknikal telah pun dilaksanakan pada 7 Mac. *Then*, pihak kementerian telah meluluskan *terms of reference* dan SOP bagi pelaksanaan kedua-dua jawatankuasa teknikal bagi Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Jawatankuasa Teknikal untuk Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah.

Dalam kedua-duanya telah pun dibagi *timeline* untuk penyediaan kedua-dua perkara tersebut, Sistem Maklumat Padi dan juga Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah. *I cannot recall off hand* tapi dalam kedua-dua yang telah diangkat untuk kelulusan tersebut telah menyatakan bahawa proses untuk melaksanakan perolehan telah pun ditetapkan apabila spesifikasi dan juga perbincangan yang melibatkan skop dimuktamadkan. Jadi, kedua-dua Jawatankuasa Teknikal telah pun

mengangkat dan pada 8 Mac yang lepas kedua-dua TOR dan SOP telah pun diluluskan untuk tindakan di peringkat jawatankuasa jua.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya nak tanya tentang Sistem Maklumat Padi. *I think this is towards precision farming*, bukan? Walau bagaimanapun, apabila kita ada profil tanah dan sebagainya tetapi kita masih pakai *the same kind of* baja iaitu satu jenis baja. Maka, dia tidak *precision*. So, apakah perancangan kerajaan, kementerian untuk *towards*— kalau you ada sudah *profile*, bagaimana dari segi bekalan baja itu boleh lebih *precise*?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Berkaitan dengan cadangan ini YB, sebenarnya sistem disebut nutrien tanah ini mengambil kira *soil profiling* yang meliputi lokaliti. Sekarang ini kalau YB— saya setuju kita beri baja NPK itu secara *panadol*, maksudnya semua mendapat sebatian, semua akan dapat 12 beg per hektar. Tetapi untuk yang sistem baru ini kita menggunakan *soil profiling*, maknanya ikut lokaliti.

Contohnya, di Pulau Pinang kita tak perlu baja urea, empat beg itu, tapi kita beri juga. Tetapi dengan bacaan tepat yang YB cakap ini adalah kita menggunakan konsep yang berbeza dan kita pada tahun ini kita akan laksanakan tender untuk baja organik, baja sebatian yang baru menggunakan formula yang baru secara *pilot project*. Kalau ini berjaya, kita akan ubah formula untuk masa akan datang dalam industri padi dan beras.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya. Saya minat tentang nutrisi tanah. Adakah profil ini hanya tentang nutrisi apa yang ada ini? Juga apakah perancangan daripada pihak kementerian iaitu supaya tanah yang dah ada, dah sedia ada, kita kena tengok macam Jogjakarta atau apa kan dia ada lava dia ada apa, dia ada natural nutrisi dia. Tapi kita ini dah entah berapa puluh tahun tanah yang sama itu digunakan untuk *crop* yang sama, kan? So, macam mana — apakah rancangan agak jangka panjang dan juga nak jaga ekosistem ataupun nak bina ekosistem yang lebih *in long-term* dia murah. Maknanya, baja tak payah banyak. Daripada segi *pesticides*, dia tak payah ini sangat.

Dia kalau ada yang *life cycle of the earth* bukan, dia ada dia punya *bacteria*, *the fungal*, ada macam-macam di situ itu, dia ada dia punya ekosistem dan itu boleh menyebabkan padi atau *whatever crop* itu jadi subur. Juga, daripada segi air. So, *it's an irony* sebenarnya kita *kat* Malaysia ini. Walaupun kita ini airnya banyak, hujung-

hujungnya banjir *and then tak* cukup air untuk ini juga. *So, how do you control the whole system? Holistik? Holistic approach?* Terima kasih.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Dalam gelombang padi itu, 12 itu termasuk yang sistem pengairan. Kalau kita tengok sistem pengairan kita, masih secara konvensional, kita menggunakan sistem perparitan ataupun air hujan untuk menanam padi. Kita mengesyorkan, kita pernah buat satu *pilot project* di IADA Batang Lupar, di Sarawak, menggunakan sistem *piping*. Maksudnya, air hujan yang berlebihan kita akan takungkan, kita perlu keluarkan air itu menggunakan *piping* bila berlaku kita nak tanam padi. Sekarang ini kita tanam di Kedah, YB Sik tahulah tanam di Kedah ikut air hujan.

Sebenarnya kalau kita ubah konsep, kita buat *piping*, saya rasa kita boleh ubah senario penanaman padi. Kedua tentang kitaran. Kita dah 60 tahun tanam padi sebenarnya dan memang kalau kita tanam dua musim memang tanah itu tidak pernah dirawat sebenarnya. Sebab itu kita memperkenalkan baja bio dan organik supaya kita merawat tanah.

Ketiga, kita juga kena fikirkan tentang perataan tanah yang ada di sawah padi. Contohnya, di Sekinchan kalau kita tengok air yang masuk dan air yang keluar *balanced*. Tetapi di Kedah bukan semua yang masuk dan keluar itu *balanced*. Sebab itu di Kedah banyak tanah jertus *because* air yang banyak masuk dan keluar, tak keluar-keluar. Jadi, tanah jertus.

Ini benda-benda yang kita kena tengok. Bukan setakat pengairan dan juga rawatan tanah, kita kena tengok dulu di masa akan datang adalah perataan tanah itu sendiri. Menjadi topik yang paling penting, perataan tanah adalah subjek yang paling penting *because* kita boleh buat ala Sekinchan secara besar-besaran dan kita boleh mengawal air keluar dan masuk secara efisien. Itu yang cuba kita buat dalam masa yang ini, dalam tempoh 10 tahun yang akan datang ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, sikit lagi berkaitan dengan laporan. Tahun 2016, Jabatan Pertanian buat satu usaha dipanggil Laporan Teknikal Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik ini yang pernah dibuat dan disebut 2022 itu sebagai laporan terakhir. Jadi, adakah laporan spesifik ini diteruskan, sekarang ini masih berjalan ataupun sudah *ending* di situ?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Di semua kawasan Parlimen, kita dah ada *soil profiling*. Yang mana YB cakap itu, kecuali di luar jelapang sahaja kita belum ada. Tetapi sebab itu pada tahun ini kita mengesyorkan adakan satu *pilot project* melibatkan tender untuk formula baru menggunakan kaedah *soil profiling* kawasan setempat. Sebab itu kita pilih empat

kawasan untuk tender baru ini untuk kita memperkenalkan baja ini supaya kita nak — untuk akan datang, kalau benda ini efisien, meningkatkan hasil dan juga boleh merawat tanah, kita akan teruskan dalam skala yang lebih besar, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksudnya, di luar jelapang itu masih lagi berjalan laporan ini? Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, boleh teruskan syor keenam.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum syor keenam, ada satu Pemantauan Bayaran Subisidi Input-Output. Bolehkah terangkan apa maksud tersebut? Nombor tujuh. Di rumusan *Needs of Statement*.

■1610

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Bayaran output ini ialah SSHP, Yang Berhormat. Maksudnya, kalau apa yang diusahakan oleh petani dan menjual kepada pengilang itu, ia termasuk di dalam sistem SMART padi inilah, *that we can track*.

Input ialah bayaran subsidi yang biasanya kita guna untuk baja dan juga sama ada baja sebatian ataupun baja urea. Jadi, kita boleh tengok juga. *We have line of sight of the total cost for subsidy that is being paid for each pesawah. That, actually is the scope that we try to include inside the SMART padi. Of course, there can probably be tweaks and all that* tetapi ini adalah antara skop-skop yang kita kenal pasti hasil daripada libat urus yang telah dilaksanakan *across the board*-lah. *Across the agencies*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sekarang input subsidi dia bayar melalui NAFAS *because the contract goes to NAFAS* atau – Adakah ini bermaksud bahawa *in future there could be a possibility of subsidy direct to the farmers?*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *No, the subsidy is existing subsidy* yang ada tetapi maklumat mengenai pembayaran jumlah subsidi itu dimasukkan di dalam sistem ini *so that we get* maklumat yang menyeluruh. So, cara mana yang kita nak laksanakan mungkin kita akan menyatakan kepada pesawah.

So, kita dah ada skop yang besar YB. *Now, we want to work the details out* sama ada kita akan minta kepada pesawah *to volunteer this* maklumat. Berapa yang dia terima untuk subsidi input dan berapa terima untuk subsidi output *then we know*

the total – actual cost –lah yang diberi kepada setiap pesawah dan juga kepada – total kepada industri tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit lagi. Berkaitan dengan pemantauan subsidi – pembayaran subsidi ini. Mungkin kalau dapat dijawab selepas inilah. Saya nak lihat, kita berapa per cent subsidi input yang kita telah beri dan berapa *per cent on the output*? Maknanya, kita nak lihat *balance* di situ. Daripada satu hektar sekarang ini, kita campur-campur lebih kurang RM4,000, ya? Campur-campur subsidi itu.

Di antara kajian banyak dibuatlah, berlaku banyak kecaciran subsidi ini ialah kita banyak di input itu ya dan tidak selaras dengan data kita dan sebagainya. Ada cadangan termasuk daripada kajian Khazanah Institute menyatakan kita *fully* subsidi output tetapi ada kekangannya. Kita terpaksa hadapi pesawah-pesawah yang tak ada modal nak buat, pesawah yang masih miskin.

Jadi, itu halangan dia tetapi nampak ada juga kewajaran itu apabila – so, jadi output itu kita dapat *motivate* petani kita supaya dia tidak lekalah. Maksudnya, dia tidak menjadikan itu sebagai hanya sampingan. Kerja petani dia hanya beri kepada orang tengah dan sebagainya. Jadi, itu juga mungkin kalau dapat kementerian lihat kajian lebih ke depan ini. Adakah wajar subsidi *fully* subsidi output itu kepada petani kita?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Baik. Okey. Kalau *just to add a little bit*, Yang Berhormat Naib Pengerusi ialah kementerian yang menentukan skop untuk sistem SMART padi ini dan duit nya datang daripada BERNAS. Dia tak semestinya bagi kementerian dan tak semestinya kita lihat pada pengusaha untuk beras putih sahaja tetapi di *specialty rice* juga.

Di Sabah, di sana padi huma dan padi bukit adalah antara skop yang akan kita rangkumkan di dalam sistem SMART padi ini. Jadi, kalau kita tengok di Sabah dan di Sarawak misalnya, penanamnya agak ramai. Hampir dengan 60,000 tetapi majoritinya adalah adalah menanam padi bukit, padi huma *and specialty rice*.

Jadi, kita pun nak dapatkan gambaran keseluruhannya melalui adanya sistem SMART padi yang baharu inilah.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya tambah lagi tentang persoalan. Sebenarnya kita dalam *soft landing* –lah kerajaan. Kita pernah perkenalkan ini secara kupon untuk pilihan racunlah. Makna, benda yang sama kalau keperluan ini ada masa akan datang, kita juga buat untuk keseluruhan input yang YB cadangkan tadilah.

Maknanya – tetapi kita tak nak berlaku macam kita beri minyak diesel kepada nelayan. Kita bagi ini subsidi tetapi ikan tak sampai ke daratan. Itu kita kena tengok *pros and cons* sebab ini kita melibatkan – kita beri insentif supaya mereka mengorbankan tanah mereka untuk tanam padi dan bantu negaralah.

Ini yang kita kena tengok buat sebab ini kos yang besar, melibatkan hampir – tahun ini sahaja sudah hampir RM2.4 bilion melibatkan subsidi input dan output secara keseluruhan. Maknanya, kita tak boleh fikir satu itulah. Kita kena mengambil secara holistik punya pendekatan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Mohon penjelasan. *Soft landing* ini bermaksud bahawa kita akan *slowly towards output-based subsidy* dan *timeline* nya berapa lama?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Timeline* ini kita tak boleh pastikan YB *because* sekarang ini kita *start* dengan racun tetapi kalau dengan ada sistem yang ada ini kita tengok dia punya ROI dia. Mungkin keputusan dasar kita boleh buat untuk yang dasar baharulah sebab kita ada data dan juga *complete* untuk jumlah berapa yang kita gunakan bajet untuk subsidi input dan output. Sebab kalau tengok buat pembajaan tepat pula mungkin kita boleh kurangkan kos kerajaan pada masa akan datang.

Maknanya, kita boleh. Kalau kita – sama ada kita *supply* ataupun kita ganti dengan subsidi bagi kupon atau pun kita bagi kepada pesawah memilih baja ataupun input yang mereka kehendaki. Lebih jimat. Mungkin kita ke arah itu tetapi dalam jangka masa kita tak boleh tentukan berapa lama *because* ini bergantung kepada Jemaah Menteri punya keputusan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebab nampaknya bahawa sebenarnya ada banyak pembaziran kalau kita bagi kontrak kepada agensi untuk bagi baja. Saya rasa selalunya *government wants to be – to control* tetapi yang lebih pandai atau lebih tahu tentang tanah dan keadaannya adalah petani sendiri. Kalau kita bagi mereka kebebasan untuk membeli input, membeli racun dan sebagainya. Mereka lebih tahu dan mereka akan jaga dengan lebih baik.

So, selalunya saya rasa ada *argument*, cadangan supaya subsidi ini harus *direct* kepada *farmers* dan *farmers* beli sendiri, ya. Adakah sistem ini membenarkan begitu? Kerana sekarang masih *one-size-fits-all* lah. 12 max, racun di *supply* oleh kerajaan dan sebagainya. Adakah kita akan mula kepada subsidi *direct to the farmers*? Biar *farmers* buat keputusan sendiri.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *I think if I may chip in, YB. I think the end game is that, tetapi there is all*

this – the risk that needs to be looked into and managed. Kalau sekarang ini kita gunakan satu agensi atau satu entiti untuk melaksanakan and then I think the other soft landing is about open tender process where it gets more people to be – to participate. Tetapi even that, there is a risk that we look at, is in terms of performance and capacity of difference entities.

Jadi, nanti kita - *I mean if we don't do it, we will never know what would be the impact tetapi I think that we can foresee in the beginning maybe when we open tender pun ada kawasan yang mana mendapat pembekalan itu on time. Ada pembekalan yang sedikit. Walaupun baja itu bagus tetapi the timing issues, the logistics issues, the transportation issues would probably be there. So, we need to manage.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *But we can let the market to decide and market efficiency will come in when there is a demand and supply-lah?*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Betul, YB. That is why I said, I mean that's actually the spirit for us to actually allow – that is why we tend – we talk about footing and all that. We want the market to determine but there are all these risks because dalam kita ada satu lagi contoh.*

Bila kita buat tender pengairan misalnya. Kita buka tender pengairan for different blocks to different – the best bidder-lah, so to speak tetapi kita masih dapat kelewatan dalam persiapan pada projek kerana different tender – contractors, they have different capacities and capabilities and we have to manage them-lah. I mean we have to either reprimand them atau to buat contingency plan or recovery plan but it's an open tender. So, there is a risk that we have to manage with different entities because of their different capabilities, different competencies dan sebagainya YB.

But I think the spirit is like you rightly said. I think we all can agree, we want to get the market to actually be efficient and I think that soft landing will help us to actually understand if we don't do it – kita ada satu contoh yang pengairan where we open but we had issues. But whether is this going to be something similar to that effect ataupun – because sebab when we have one entity, that assumption is that that one entity has certain templates, certain standards, certain competencies that can be applied across the board to the whole country but as you rightly indicated, it's not necessarily so.

■1620

But, if we open tender also, there could be an issue to that effect...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *But, but if you look at perladangan ya, the kelapa sawit. Actually, the market is very efficient. Because there is— the farmers they took it up. Of course, the pricing et cetera. So, dari segi input subsidi, input ya. Baja dan racun, the market is there. It's —The efficiency is there. It's just that kita ini —Government is sometimes overprotective. Kita terlalu takut tentang SSR. Sehingga, we didn't trust the market to fulfill. But dari segi kelapa sawit, very efficient. They have fantastic yield dan I believe it can be done.*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *I agree YB. That's why I think one of the initiatives that the ministry is doing is the Sawah Berskala Besar. But you have an anchor company and work with — you know, some of the peserta doing contract farming. So, that in itself can apply the same standard, the same piawaian, as the same professionalism-lah.*

So, hopefully, that is something that we do currently and I think we see very positive results there. We see yields increase by probably from tujuh ke sembilan hektar —I mean the positive side. Their positive side and we do in that manner. But in terms of baja yang kita nak buka untuk individual farmers, cara ini I think — Well, that's, that's, that will be the soft landing. I think we still have to observe and mitigate where the risk is in, you know.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tahu baja dan racun. Kita ini import kah yang banyaknya atau pun lokal kah? Sebab hari itu, kata disebabkan Ukraine, kita tak dapat baja. *Then, bila kita import, what's cost implication-lah, kan? Especially bila Ringgit Malaysia kita jatuh and then kita nak import lagi mahal, lagi dijuallah, kan? So —And how do you go about it to reduce inilah dia punya operation, operational cost for the farmers-lah dan to the government?*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *I try to answer the— this technical question. Otherwise, Datuk Azman will supplement-lah. I mean —Dia for baja ini dia ada urea and then sebatian. So, that is a must dalam pengurusan ladang untuk sawah. Urea is available locally by PETRONAS dan the raw mat is available here in Malaysia. But sebatian that elements are not available in Malaysia. They need to be imported.*

So, when they need to be imported, that's why, macam isu of Ukraine tempoh hari does affect in terms of the pricing of this baja sebatianlah to — and how whether we can look —Produce it locally, we don't have it locally.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Apa, apa sebenarnya baja sebatian ini? *What does it consist of?*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Datuk, you can *explain* urea and sebatianlah *kot*?

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Yang sebatian ini kebanyakan adalah NPK itulah termasuk dia lebih kepada *chemical* dan untuk kita nak beg kan baja sebatian ini kita perlu ada 12 komponen. 12 komponen ini kebanyakan semua import. Tak ada yang dalam negara. Kita tak ada —dianugerahkan untuk buat benda ini. Nak buat macam mana? Kita kena import.

Yang keduanya macam YB tanya tadi, kos. Logistik sajalah meningkat 300 peratus. Itu yang menyebabkan kita punya kos tinggi.

Ketiga, racun tak ada di-*produce* dalam negara. Semua import.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Soalan tambahan. *Don't we have the capability to do it?* Bukan hari inilah...

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Setakat ini belum ada. Setakat ini belum ada.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Belum ada?

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Lembaga Racun tidak pernah *produce* ini— mencadangkan dalam negara dan *100 percent* racun datang daripada luar negara, import.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Patutnya orang Malaysia ini pandai-pandai belaka kan? [*Ketawa*] *That is why we don't train people to do it?*

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, maknanya, maknanya saintis kita kena cipta racun...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Ya.

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: ...dan juga baja inilah. Sendirilah.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *I think*, saya rasa dia punya bahan mentah itu yang apa ini terpaksa dibawa dari luar. Bukan kita tak pandai nak adunkan *you know*, macam *glyphosate*, nak buat racun. *But the raw material for you to produce that glyphosate is also imported.* Apa ini —*Same* dengan— sama dengan baja sebatian. *The source for your potassium, source for your Phosphorus are all imported.* So, bukan kita tak pandai nak buat kilang. Tapi, bahan apa nama ini — *the raw materials are all imported. We don't have it in Malaysia. Except for N.* Nitrogen itu kita ada.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, we got plenty.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ada maklum balas? Kalau tak ada, kita boleh sambung syor keenam.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Syor tujuh...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Saya nak minta qualify sat tadi. Sik sebut apa subsidi kerajaan untuk input dan output, 4,000. Just nak qualify. Actually input berapa ini untuk satu hektar?*

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Dia hampir 60 peratus kerajaan subsidized. Hampir 60 peratus.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tak, tak, tak. Maksudnya, 60...

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Tak, kos tak boleh tentukan berapa jumlah *because* kos ini lebih kepada berapa hektar dia punya...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Itu output. Input is the same.*

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Yang mana? Input? Ya lah, jumlah berapa hektar yang dia ada lah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tak, tak, per hektar maksud saya. Maksud saya, per hektar.

Datuk Azman bin Mahmood Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Per hektar? Dalam 5,000 lebih. Empat— Kos lebih kurang 5,800. Maknanya kerajaan subsidi antara 4,000 lebih dia punya ini. *Then, the balance* itu, sebab kerana kos yang tinggi yang tadi yang disebabkan oleh faktor — Ini, dulu kita boleh bagi RM200, kita bagi kupon kepada pesawah. Dia boleh beli empat hingga lima botol racun.

Sekarang dengan 200 kupon per hektar, dia hanya boleh beli dua botol saja. Maknanya, dia kena tambah kos tambahan dia lah. Itu yang menyebabkan kos dia meningkat itu. Sebab itu dia perlukan jualan padi itu antara 1,700 hingga 1,800. Tidak boleh lagi menampung kos yang sedia ada lah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh teruskan.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Syor yang ketujuh Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Keenam, keenam.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *Ah, enam? Alamak. Minta maaf. Syor yang keenam ialah berkenaan*

dengan laporan prestasi KPI secara bersama. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Ini boleh dikaitkan dengan syor dua dan syor tiga Yang Berhormat Naib Pengerusi dan ahli-ahli, yang mana laporan prestasi KPI ini memang ada *formatting* dia dan telah pun dipersetujui seperti di dalam Perjanjian Konsesi berkenaan.

Jadi, mesyuarat yang terakhir seperti yang saya maklumkan tadi yang di laksana oleh Jawatankuasa Pemantauan Konsesi BERNAS yang bersidang dua kali setahun kebiasaannya dan anggota-anggotanya terdiri daripada agensi-agensi pusat.

Seperti yang saya maklum pada 7 Mac yang lepas, kita telah pun melihat apa—Secara bersama laporan prestasi KPI tersebut walaupun telah melangkaui *minimum target threshold* yang telah ditetapkan tetapi minggu ini dibagi masa seminggu untuk memastikan bahawa maklumat yang dibagi itu dapat disemak semula dan di sah sebagai benar-benar tercapailah. Seterusnya untuk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya. Ada, ada ini Datuk Azman?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk nak sambung kah macam mana?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya nak ke syor tujuh ini, YB. Ada soalan kah YB?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang enam dulu. Enam dulu.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Okey, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya *tak tau* apa saya nak sebut ini dia bersangkutan dengan nombor enam tapi saya ingat ia bersangkutan KPI *lah, kan?*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Produktiviti ya. Datuk, kita bercakap fasal produktiviti ini. *La ni average* lima tan *per hectare per year*. *Target* kita dulu sampai ke 10 tan *per hectare per year*. Saya ingat bukan sampai ke-10, enam pun *tak* sampai lagi. *We've been talking about this for years lah*, tapi *tak* berlaku. Kita kena cari jalanlah. *The only way for us to survive* dari segi *nak* jamin

supaya cukup makanan untuk negara terutamanya *staple food like* beras ini ialah peningkatan produktiviti dengan apa cara sekalipun.

Ini kita sangkut *for many, many years lah. Many, many years, no answer. Hopefully* Datuk sebagai KSU Pertanian kali ini dapat cari *answer* dia lah. Disebutkan dulu, sebenarnya cerita ini kita pergi, kita pergi Surabaya. Dia tanam padi di situ, lima musim dua tahun. Dia, dia satu musim —Satu tahun, tiga musim.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia ertinya, dua tahun itu Datuk Azman, dia tanam enam musim. Jadi, Menteri Besar Kedah ketika itu, kita bawa lawatan termasuk Exco, bawa ke balik ke Kedah. Kita cadangkan supaya dibuat dua tahun lima musim. Kata enam musim itu teruk sangatlah kan? Ertinya kita tambah satu musim Datuk Azman. Sekarang satu tahun, dua musim ya yang MADA itu lah, yang ada perairan itu.

Sekarang ini kita tambah satu lagi musim. Ertinya, kita tambah *about 20 percent*. Sama juga tadi kalau lima tan *per hectare, per year*. Kita tambah jadi enam tan cukup. *Average. We already added 20 percent. Then*, mungkin *solve a lot of problem along the way*.

Saya terfikir bagi nelayan Datuk, Datuk —itu bawah Datuk juga. Persatuan Nelayan, LKIM dan sebagainya ini..

■1630

Nelayan, dia ada *productivity incentive*, Datuk Azman ya. Bawa balik ikan Termenung satu kilo, dia dapat *sekupang* kot. Orang Kedah kata *sekupang* lah. Kalau dua kilo dapat dua kupang dan seterusnya. Adakah ada kemungkinan untuk kita fikirkan padi ini dibuat cara insentif sebegitu? Yang untung adalah negara adalah rakyat. Serupa nampak macam kita tambahkan dia punya kos itu tapi sebenarnya dia memberikan galakan motivasi mereka ini, petani-petani ini nak peringkat produktiviti dia, apa cara sekalipun sebab bukan lah satu kilo sepuluh sen. Itu kalau kita fikirkan lah yang buat ini— *the amount* kan. Mungkin ini satu perkara yang boleh kita fikirkan lah Datuk Seri. Apa pandangan Datuk Seri Datuk Azman?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya setuju dengan ini YB ini Kubang Pasu. Yang pertama, benih padi yang ada di Vietnam, Indonesia dan Thailand semua bawah 80 hari. Makna mereka boleh tanam tiga kali atau empat kali semusim. Kita masih lagi di bawah 110 hari dengan 120 hari. Sebab itu kita telah pun bekerjasama dengan kerajaan— profesor daripada Indonesia dan kita dalam proses untuk bawa masuk baka daripada Indonesia 75 hari...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Surabaya itu boleh? Enam – enam musim. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: 75 hari maknanya pada 2025 kita akan tanam 75 hari untuk di Malaysia. Maknanya ini salah satu. *[Disampuk]* Yang itu lah. Yang kedua tentang purata hasil kita. Sebenarnya walaupun kita di Sekinchan ada 12 metrik tan, di Kedah enam metrik tan tetapi kita kena fikirkan. Bila purata kita 3.5, kita campur Sabah dan Sarawak. Sabah Sarawak sahaja 1.8 metrik tan sahaja per hektar. Kenapa? Mereka tanam padi tradisional yang 180 hari, yang ketinggian enam kaki. Maknanya ini kena tukar konsep ini. Sebab itu YB Menteri mencadangkan agar harga padi di Sabah dan Sarawak juga naikan pada RM1,300 lantai supaya mereka menukar konsep menanam padi secara komersial ini supaya kita ubah. Supaya kita– SSR kita boleh diselamatkan. Di Sabah 2.5 sahaja purata hasil. Jadi bila kita campur 12 metrik tan di Sekinchan campur dengan 1.8 akhirnya kita dapat 3.5...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya ambil hitung panjang purata itu, macam di Kedah sahaja lah. Lima tan per hektar *per year*, nak naikan kepada enam sampai 10. Yang Sabah Sarawak itu kalau campur dia– *average* ini *sometimes it doesn't tell us the right story, the real story of the actual fact*. Itu mungkin boleh fikirkan lah. Insentif *just now* Datuk Azman, boleh buat insentif macam orang *pi* nelayan tangkap ikan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Kita pernah perkenalkan pada– saya rasa sebelum ini kita pernah perkenalkan insentif untuk pengeluaran hasil. Pada tahun saya tak– lupa tahun bila. 2015? Saya rasa kan? Lebih 2019 makna kita bayar lebih kurang dalam per metrik tan RM150 kan?

Seorang Ahli: RM360 setiap peningkatan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: RM360 setiap peningkatan hasil. Itu pun kita kena syorkan dan saya puji lah Kerajaan Negeri Selangor dia telah pun menambah lebih kurang dalam RM150 hingga RM200 untuk setiap peningkatan hasil. Maknanya itu juga cadangan YB itu kita mengambil kira tapi bergantung kepada kewangan daripada Kementerian Kewangan lah. Maknanya kalau kita menambah lagi tambah lagi hasil di subsidi daripada 60 *percent* dan tambah 61 *percent*, 62 *percent* yang akhirnya nanti kalau tak boleh meningkatkan hasil padi, jadi ROI kita tak berbaloi...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi kalau dia betul-betul meningkat, *it is worthwhile*. Kita kurangkan import dan kurang kos keseluruhan dan kita dapat lebih tinggi dari segi keterjaminan apa ini *food security* ini. Yang itu orang kata *small – small thing* itu boleh di-*discuss*-kan lah, dibincangkan. Tapi ini isu yang kita boleh bagikan galakkan dan motivasi mereka supaya tambahkan pengeluaran. Itu yang *basic issue* lah. Terima kasih.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: YB, sebelum bergerak saya nak bagi sedikit penjelasan *je*. Bila kita melihat kepada KPI ini, bukannya obligasi satu sampai sepuluh, kita lihat satu sampai sepuluh pemarkahannya. *There are sub modules that we also look at and we provide* markah. Saya bagi contoh *je* lah. Obligasi satu, pengurusan *stockpile* beras negara. Di bawahnya ada penilaian untuk lima perkara. BERNAS hendaklah mengekalkan 290 tan metrik beras; BERNAS menguruskan *stockpile* beras kebangsaan mengikut garis panduan keselamatan; susunan *stockpile* diasingkan secara fizikal dengan penanda-penanda yang betul; BERNAS menyerahkan laporan kepada kerajaan setiap minggu; pemeriksaan secara rawak dari pihak KPKM untuk menentukan kualiti beras tersebut. Jadi, dalam lima perkara ini perlu di bagi pemarkahan di bawah KPI. Mereka perlu lah apa orang kata– mencapai pemarkahan tertentu untuk dapat obligasi satu dan seterusnya lah.

So, it's not just about pengurusan *stockpile* berapa peratus, dia ada modul yang perlu ditepati. Untuk seterusnya ialah yang ketujuh, memastikan jentera dan mekanisasi disenggara dengan baik bagi membolehkan ia digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa. Saya rasa ini teguran yang dibuat oleh PAC tempoh hari dan juga syor ini kita telah melaksanakannya. Semua jentera-jentera yang dilaporkan di dalam *audit finding* tersebut telah pun dibaiki dan kini adalah berfungsi dengan baik, disenggara dengan baik. Cuma ke hadapan ini, BERNAS telah menyatakan bahawa bagi memastikan tidak mempunyai apa-apa isu mengenai fungsi jentera dan mekanisasi mereka akan *lease* atau sewa jentera-jentera tersebut supaya penyelenggaraan itu juga dibuat oleh pembekal-pembekal. Jadi, tidak ada masalah daripada segi masa atau *timeline* untuk dilaksanakan penyelenggaraan jentera dan mekanisasi dan ia dipastikan dalam keadaan yang baik.

Seterusnya, bagi syor yang akhir syor yang kelapan. Yang Berhormat Naib Pengerusi dan ahli-ahli, iaitu KPKM hendaklah menguatkuasakan remedi iaitu menuntut penalti yang berkenaan berhubung dengan kegagalan syarikat konsesi menghormati obligasinya selaras dengan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian. Ini termasuk tidak terhad kepada kegagalan pembayaran RM25 juta dana organisasi

mengikut tempoh yang ditetapkan. Jadi, untuk *the first part of* syor ini, ia berkait rapat dengan syor yang keenam yang menyatakan mengenai laporan prestasi KPI melalui jawatankuasa pemantauan KPI.

Yang *the second part* daripada syor ini memang saya pun juga ingat bahawa kita berbincang agak panjang lebar berkenaan dengan *social obligation* 9 dan 10 mengenai dengan pembayaran sama ada ia perlu dimasukkan akaun dana ataupun BERNAS menyatakan bahawa dibuat secara *progress payment* iaitu apabila projek dijalankan mereka menyampaikan maklumat. Tapi, kita juga telah berbincang dan bagi pihak kementerian telah pun menghantar surat kepada BERNAS pada 17 Januari untuk menetapkan bahawa perlu lah peruntukan tersebut dimasukkan ke dalam akaun dana dan saya ingin maklumkan BERNAS telah pun mula menyalur dan ia menyalur RM25 juta pada Mac 2024 yang lepas.

Walau bagaimanapun di pihak kementerian, kementerian telah menghantar surat kepada BERNAS susulan daripada itu menyatakan bahawa pada komitmen seperti perjanjian apa ini – konsesi bahawa BERNAS perlu juga menyelesaikan baki peruntukan kepada sosial obligasi 9 dan 10. Surat itu telah pun dikemukakan kepada BERNAS dan jika ada maklum balas daripada BERNAS saya persilakan.

Encik Abdul Rahman Mohd Nasri [BERNAS]: Dengan izin YB, bagi BERNAS kita *remain committed* atas obligasi 9 dan 10 ini dan kita pun orang kata dimaklumkan akan perjalanan projek *smart* padi ini yang sedang orang kata berjalan rancak di pihak kementerian. *We are always in close communication* dan disebabkan keperluan yang mendesak ini, kita akan *honour as per our agreement* lah dari segi penyaluran dana kepada pihak kerajaan. *Insyallah*.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: *To be fair*, Naib Pengerusi– to BERNAS, semasa surat yang dikemukakan kepada BERNAS pada 8 Mac baru-baru ini kita juga menyatakan bahawa jawatankuasa teknikal bagi sosial obligasi 9 dan 10 telah dilaksanakan dan susulan daripada itu *terms of reference* pun dan skop telah pun di perbincang dan dipersetujui. Maka *I think that would be..... those are additional supplementary information to BERNAS and their management, to be confident that, you know we are working towards realizing both the system smart* padi dan juga apa ini rancangan untuk nutrisi profil tanah tersebut. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Saya saja nak *highlight* ya, surat peringatan pertama dikeluarkan pada 31 Januari tahun lepas dan surat peringatan kedua hampir setahun selepas itu.

■1640

So, walaupun masalah sudah diselesaikan, tetapi kalau boleh lain kali jangan buat sebegini. Kita perlu bersikap lebih proaktif, agresif untuk *follow up*, untuk selesaikan isu. Kalau tidak memang isu ini akan sambung-sambung kita tak tahu bila akan diselesaikan sehingga PAC *found out* dan buat teguran. Itu *tak* baik bagi kementerianlah.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih Naib Pengerusi atas peringatan tersebut. Malahan surat peringatan ketiga terus kita keluarkan selepas mendapat penyaluran RM25 juta yang kami fikir bahawa perlu disusuli dengan baki peruntukan. *So, immediate action was taken for the subsequent letter post* dari BERNAS. Kita cuba untuk meningkatkan prestasi tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat ada soalan lain berkenaan kesemua syor dan maklum balas dari kementerian? Ya, Datuk Ali.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya, terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya nak komen sikit fasal keluaran daripada Sarawak dan Sabah tadi yang 1.8 tan dan 2.8 tan.

Saya nampak di Sarawak, petani dia kebanyakannya masih secara tradisional. Kedua mereka ini suka menanam padi jenis yang *special*, sama ada padi sawah ataupun padi bukit. Kalau benihnya *special* macam beras-beras *special*, beras Bario, ada satu lagi benih...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Apa itu? Ha, dia banyak jenis. Jadi, harga beras ini sebenarnya dia lebih dua kali ganda daripada harga beras biasa. Jadi petani ini, pesawah ini mereka lagi suka tanam padi jenis ini sebab harga dia lebih mahal. Dia pasaran tempatan. Orang memang beli.

Jadi, adakah mekanisme yang dibuat oleh BERNAS, kajian-kajian untuk memudahkan petani ini, benih-benih ini dijadikan lebih – produktiviti dia lebih ditingkatkan lagi. *Special* beras ini tadi. Sebab harga dia memang *very good*, sampai *tripled* pun orang beli. Saya beli. Tak kira harga. Sebab memang beli. *Doubled* harga, ada yang *tripled* pun kita beli.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita makan hari itu *kut*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sedap itu.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Memanglah PAC sudah cuba makan hari itu. [Ketawa] Jadi, kalau ada macam bioteknologi untuk *produce* benih yang *special* beras ini tadi saya rasa walaupun produktiviti dia kurang tapi hasil dia banyak lagi.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya setuju dengan YB tentang beras tradisional itu sedap. Saya pun makan beras yang itu. Tetapi YB kena faham secara kolektif dia menerima baja Kerajaan Persekutuan. Maknanya dia tidak jual untuk dijadikan beras putih tempatan. Itu yang pertama.

Kedua, tentang benih padi. Benih padi adalah *state matters*. Sekarang ini hanya membenarkan benih padi masuk adalah di Sarawak, 269 dan 297 sahaja kita benarkan masuk. Tetapi di Sabah dalam proses untuk menerima benih daripada Semenanjung. Masih lagi mengekalkan benih TR8 dengan TR2 yang lebih kurang 129 hari untuk ditanam dan pemutuan 40 peratus. Saya rasa YB boleh memujuk di Kerajaan Negeri di Sabah untuk turut serta memakai benih padi kita supaya hasil mereka meningkat.

Ketiga, Kerajaan Sarawak telah memberi komitmen di bawah Yang Amat Berhormat Premier untuk melaksanakan keluasan sawah padi 20,000 hektar di mana *led by Premier* sendiri dalam hal ini. Mereka bersungguh-sungguh supaya menjalankan dan membenarkan benih padi masuk di Sarawak dan menjalankan secara skala besar.

Ini satu pendekatan yang kita cuba ubah. Yang saya bercakap tadi 1.8 tan jangan YB terasa. Itu saya menggambarkan – itu adalah data, YB. Saya bukan cipta data. Ini data menggambarkan bahawa ini mempengaruhi pengeluaran beras negara daripada kalau Sekinchan 12 tan tapi Sarawak 1.8 tan akhirnya kita dapat 3.5 tan purata hasil nasional. Itu yang cuba kita buat. Sebab itu kita kena ubah bukan setakat di Semenanjung tetapi di Sabah dan juga di Sarawak, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada soalan? YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Saya balik tadi kepada berkaitan dengan bagaimana kita melihat masa depan, *move forward* kita untuk nak memastikan tidak berlaku lagi ketirisan pengagihan subsidi kita itu. Data jumlah kita tadi – data petani kita 111,000 itu pun mungkin ada juga yang dilihat sama ada tepat ataupun tidak itu, ada di pihak kementerian sendirilah ya. Kalau tengok dari segi jumlah yang kita bawa keluar, subsidi itu mungkin lebih jumlah itu. Itu perlu proses lagi untuk kita nak pemutihan data petani itu sendiri.

Kita mungkin rasa agak berat kalau kita cuba nak buat revolusi dari segi yang disebut tadi *subsidy output* itu kerana akan ada kekangan ya. Tapi secara

ekonominya itu ia sangat baik saya lihat. Tetapi kekangan tadi dia kata, masalah petani yang tak ada modal dan sebagainya.

Kaedah pemberian kupon yang Datuk Azman sebut tadi nampak ada positif dia juga. Cuma dari segi perluasan kaedah itu dan mekanisme dia itu mungkin boleh dimulai sebelum sampai ke kemuncak kita kata nak agihkan secara *output* ini, subsidi itu.

Begitu juga dalam soal yang ditimbulkan sekarang ialah peratusan jualan padi di kilang-kilang, 17 per cent. Tak boleh – maknanya dia letakkan 17 per cent. Jadi, itu juga perlu dilihat sama ada kenapa 17 per cent, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pemutuan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pemutuan itu. Kenapa 17 per cent dan kenapa terlalu tinggi dan sebagainya. Itu sangat mudah di-*manipulate* oleh pengilang-pengilang. Mudah sangat. Siapa nak pergi *check* dia? Siapa nak tunggu. Tak mampu.

Bahagian kawal selia pun juga tak mampu nak tunggu semua kilang-kilang. Itu juga perlu dilihat. Termasuk ada cadangan supaya kilang-kilang ini diberi kuota untuk pembelian padi supaya ada persaingan yang sihat di antara kilang kecil dengan kilang yang besar. Sekarang ini kilang kecil, dia semakin kecil, ada dah sampai tutup banyak di Kedah itu. Jadi tak mampu nak bersaing dengan kilang-kilang besar.

Terakhir juga saya lihat dari segi komitmen keberanian kita. Kita tak dapat nafi, Datuk Azman. Walaupun dia tak sebut secara kartel secara keseluruhan, tapi jaringan kilang-kilang besar ini dia sangat-sangat memberi tekanan kepada kerajaan sendiri. Dia nak menentukan pemutuan padi, harga beras, dia *manipulate* beras kita.

Jadi itu yang dilihat perlu kita kena ada kekuatanlah di pihak kementerian dan gabungan mungkin juga ada dicadangkan – mungkin *dah* ada *task force* kita dengan Kementerian Hal Ehwal Pengguna, kan? Jadi itu sangat-sangat diperlukan di bawah sana untuk selesaikan masalah kita ini.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Pertama tentang kartel. Bercakap bukan setakat YB sahaja mungkin hampir 30 peratus daripada Ahli Parlimen bercakap fasal kartel beras.

Kita telah bekerjasama dengan MyCC untuk mereka masuk. Sekarang daripada dah masuk di peringkat agensi kerajaan termasuk MADA, KADA, MARDI *even* PIP, kawal selia dan sekarang daripada peringkat kilang *by* kilang dia akan pergi. Beri masa kepada mereka tiga hingga enam bulan. Mereka akan buat

conclusion sama ada kartel ada tak dalam industri padi dan beras. Bukan KP yang bercakap. Biar orang ketiga yang bercakap sama ada dan di-endorse sama ada kartel wujud atau tak wujud. Itu yang pertama.

Kedua, dari segi pemutuan. Pemutuan ini sebenarnya bukan kawal selia yang timbang padi itu. Kita ada satu kementerian lain, KPDN yang analisis kilang timbang-timbang padi ini. Sekarang *trend* di Kedah, kalau *tak* ada – petani akan hantar kepada mereka yang ada semakan timbang, baru mereka akan hantar padi. Dah jadi *trend* kepada pesawah. Maknanya ada kesedaran daripada pesawah. Maknanya mereka akan hanya jual padi kalau ada sijil timbang telah disemak oleh KPDN dan juga KBB. Itu pendekatan yang positif.

Ketiga, tentang macam mana kita nak mengawal ketirisan. Kita telah berbincang dengan PETRONAS supaya baja urea kita ini yang warna putih sekarang ini kita nak tukar kepada warna biru. Maknanya kalau sawit, warna hijau. Kita nak urea untuk padi digunakan warna biru. Maknanya kalau urea itu dijual keluar, kita dah tahu itu adalah padi punya produk. Maknanya untuk akan datang sama ada tender ataupun ini kita nak supaya PETRONAS keluarkan urea berwarna biru untuk kita nak kawal ketirisan subsidi. Itu pendekatan tanpa melibatkan kos kerajaan. Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, saya nampak bahawa kerajaan – saya sokong Sik kerana kita perlukan *ultimately moving forward* adalah *output-based subsidy*. Saya harap bahawa kementerian dan kerajaan mempunyai keberanian untuk membuat sesuatu perubahan sebab ini baik untuk petani.

■1650

Ini adalah 200,000 petani, pesawah yang dalam B40. Kita kasihan kepada mereka. Sekarang mereka di manipulasi orang tengah dan sebagainya. Subsidi ini perlulah kepada mereka, bukan kepada orang-orang tengah kah atau kontrak-kontrak besar.

Mungkin kerajaan atau kementerian takut tentang isu politik yang akan berlaku. Memang, ini adalah kalau kita nak *reform*, memang ada pelbagai pihak yang berkepentingan. Saya rasa dalam segi PAC ini, dia ada pelbagai parti. *You can have a* kesepakatan supaya dalam isu hal petani ini, *any reforms* boleh dapat sokongan daripada semua parti. *Then we go to* JKPK Pertanian supaya dapat kesepakatan itu pun juga. *If let's say that kind of consensus* boleh dibina untuk *multi party*, *so we go out, we don't play about politics outside*. Okey? Di sini kita *settle*.

Kerajaan kena berani untuk buat perubahan. Kalau tidak, *you will be forever the same thing*. So, kalau boleh, kerajaan kena ada keberanian, *come out with what kind of reforms that you can do towards reforming* industri padi dan beras dan *come*

to us to get the bipartisan, multi-party consensus dan we will have our – we have to do our political cease fire lah untuk– supaya tidak berperang di luar dan *settle* kan isu ini, *fundamental* ya. Terima kasih.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Betong.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Saya sokong Bayan Baru dengan Sik tadi. Jadi, *thinking outside of the box* mengenai input ini tadi, sebab keperluan baja, *especially* baja lah dia bergantung kepada tanah. Tanah daripada Johor ke Perlis, memang berbeza daripada segi keperluannya.

Saya dapati bahawa di mana-mana tempat sama ada di Semenanjung, Sabah, Sarawak, memang ada *agro chemical supplier* di mana-mana daerah ataupun pekan-pekan, bandar-bandar walaupun bandar kecil pun ada satu, dua kedai-kedai yang menjual *agro chemical* ini. Jadi, kalau kita gunakan konsep input ini tadi dengan sistem data kita, *digital system we can develop the apps* dan sebagainya.

Kita tahu profil pesawah ataupun pekebun kita berapa luas, berapa ekar dan sebagainya dan kita tahu berapa dia punya keperluan baja dan racun. Menggunakan sistem kupon ataupun mana-mana *direct subsidy* kepada pesawah itu tadi, dia boleh beli *direct* di mana-mana *hardware, agro chemical shop* yang berdekatan dan *it will stimulate local economy* juga dan tidak ada unsur ketirisan juga *you know* kalau *you* guna sistem itu. Sebab dengan pembangunan *digital system* kita sekarang, *I think* memang ia boleh digunakan sebab *you manage* dia punya *database* yang *up-to-date* itu tadi, *you just* gunakan *apps* itu tadi. Kalau gunakan kupon tadi, *agro chemical shop* itu tadi dia boleh *claim* lah daripada kerajaan. *That is one way* juga. *So that is my comments* lah. *Thank you.*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Saya setuju dengan cadangan YB-YB memandangkan YB Sim dia memperjuangkan semasa jadi Timbalan Menteri lagi. Masa ketika itu dia mencadangkan agar *open market*. Maknanya, dikawal oleh *market* dan perlu ada perubahan tentang daripada input kepada pergi ke *output-based*. Memang itu sepatutnya menjadi pilihan kepada petani. Rata-rata petani pun minat benda yang itu supaya dia boleh *adjust* dia punya kos. Kalau dia racun – dia kalau perlu tambah untuk baja, dia akan tambah baja. Maknanya, kos itu memang itu tapi kita dalam *soft landing*.

Tapi saya berharap agar Kabinet, Jemaah Menteri berani membuat keputusan dan perubahan yang *game changers* yang mana yang YB cadangkan tadi

supaya kita sama-sama boleh tengok perubahan yang berlaku. Kalau setakat kita teori tapi tidak berubah, maknanya sama macam dahulu jugalah.

Maknanya, kita kena sama-sama memastikan perubahan ini berlaku sebab kita dah buat pun dalam *soft landing* kita dengan racun RM200 per hektar. Maknanya, kalau itu kita boleh buat dalam bentuk baja, saya rasa benda ini yang terbaik untuk pesawahlah dan mungkin cara ini boleh meningkatkan hasil dan mengurangkan kos pesawah. Dia boleh *adjust* dia punya keuntunganlah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: YB Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya, wakil. *[Ketawa]* Wakil pesawah, wakil pesawah. Saya antara mangsa yang datuk nenek dulu banyak sawah, sampai dekat saya dah tinggal sikitlah. *[Ketawa]* Sampai kat anak-anak, dah tak ada. So, apa yang berlaku sebenarnya ialah mungkin seorang daripada ahli keluarga itu dialah yang mewarisi tanah yang banyak-banyak itu tinggal.

Tapi, dari segi – saya nak sebut tentang SMART SBB sajalah. Saya menaruh harapan yang tinggi kepada SMART SBB ini untuk berjaya meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran padi negara kerana dia akan banyak menyelesaikan. Dia menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pekerja. Saya berminat sebenarnya nak balik buat bendang tapi umur pun dah lebih 55, jadi masuk balik kategori yang 60 per cent tadi itu. *[Ketawa]* Jadi, dia satu.

Kemudian, bila SMART SBB, dia juga ada *economy of scale*. Kita boleh *mechanize* dan dia terbukti memberikan hasil produktiviti yang tinggilah. Jadi, harapan saya memang perkara ini akan berjajalah. Tak kiralah di ‘Ala Sekinchan’ kah ‘ala’ apa kah, itu bukan faktornya tetapi saya percaya kementerian dia mengambil ‘Ala Sekinchan’ itu sebab Sekinchan itu telah terbukti. Terbuktinya kerana dia bukan sekali dua tetapi dia konsisten. Konsisten dan hasil dia tinggi, bukan *by luck* apa semua kan.

Cuma saya dengar-dengar juga ada sedikit cabaran untuk melaksanakan SMART SBB ini. Cuma nak minta mungkin sedikit ulasan daripada Datuk Azman lah berkenaan dengan apa had-had cabaran dan juga halangan untuk nak melaksanakan SMART SBB inilah dan langkah-langkah yang sedang diambil?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Peringkat awal memang penerimaan petani itu agak nampak macam negatif *because* seolah-olah syarikat nak mengambil alih tanah mereka tetapi sebenarnya tidak. Bila kita menerangkan, kita buat di 100 hektar pertama kepada setiap negeri dan mereka faham, petani dah faham.

Sebenarnya konsep ini empat dalam satulah sebenarnya. Kita boleh mengurangkan pemutuan daripada 20 peratus kepada 14 peratus. Kita juga mengurangkan peranan orang tengah. Maknanya, kilang *direct* dengan pesawah dan kita juga meningkatkan hasil. Dah terbukti kalau di Kota Belud pun, daripada 2.5 metrik tan, kita dah naikkan kepada 4.5 metrik tan. Di Batang Lupar pun sama, 2.4 kepada 4.5 juga kita meningkatkan hasil.

Even kita pun telah bersama-sama dengan bekas Yang di-Pertuan Agong, dia pun berminat tanam sawah berskala besar di Pekan. Maknanya ini – dan akan datang bulan Jun ini kita akan tanam di Kuala Pilah di kawasan YB.

Maknanya, kita perkenalkan ‘Ala Sekinchan’, petani sendiri yang datang jumpa kita untuk membuat skala besar dan ini satu perubahan yang saya nampak kita boleh bersama-sama bukan setakat kita ubah minda mereka tetapi kita boleh buat skala besar dan kita boleh bersaing dengan negara yang tadilah kalau YB Kubang Pasu kata benih kita 120 hari, kita kena kurangkan kepada 75 hari. Barulah kita kurangkan kos mereka dan kita boleh naikkan hasil mereka.

Sekarang ini masih lagi petani mengamalkan 6T ini tetapi kalau saya bercakap kat petani, petani marah kat saya tapi saya kena cerita. Saya pun anak petani. Tapi – 6T (tanam, tinggal, tuai, telefon, tawakal dan timbang). Timbang pun minta *driver lorry* hantar, YB. Jadi, macam mana kita nak meningkatkan?

Biasanya kalau petani ini dia tanam, biasanya dia yang *pi* jual ke kilang tapi tak. Dia minta *driver lorry* pergi hantar. Ini yang benda-benda yang kita kena– 6T ini kalau boleh kita tak nak. Dalam SMART SBB, 6T tak ada. Sebab itu kita *eliminate* 6T ini supaya kita boleh pertingkatkan hasil. Sebenarnya lebih untung bila kita untungkan petani, secara tidak langsung, kita boleh untungkan negaralah. Maknanya, SSR kita melonjak naik.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Timbalan Pengerusi. Saya suka *engagement* macam ini. Terbuka, ya. Kita tengok FELCRA ya, sistem FELCRA. Dia– ini salah satu cara mungkin kita boleh fikirkan. Tanah merata-rata tempat. Kalau *tinggai* seorang dia, satu relung, satu ekar. Dikumpulkan jadi estet, FELCRA sana sini. Janganlah pilih yang masa *management* FELCRA rugi itu. Ambil yang untunglah. [Ketawa] *Sat gi* tengok kata “*Hai, FELCRA ini samalah*”. Kita bagi jadi untunglah. Fikirkan sistem FELCRA.

■1700

Ada tanah-tanah, bendang di mana-mana itu dia tak boleh ini— okey, 100 ekar. Buat sebagai estet. Macam FELCRA dan *management* itu *by a big organization*. Ke atas, peringkat pusat. *Then*, kita fikirlah macam mana dia punya

sistem bayaran dividen dan sebagainya. Tak tahulah Datuk Azman, *what do you think?*

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Sistem FELCRA itu dibuat di Seberang Perak, 3,000 hektar. Asal usul kerajaan memperkenalkan sistem FELCRA ini adalah sistem sara diri di mana setiap peserta diberi lima ekar tanah untuk sawit, lima ekar tanah untuk padi. Akhirnya, dengan syarat dia orang dapat keuntungan di sawit lima ekar dan di sawah padi dia orang tanam sendiri dan untuk sara diri masing-masing, maknanya dia buat skala besar secara estet di FELCRA. Tetapi FELCRA ini sebenarnya terletak di bawah IADA kita Seberang Perak. Kalau kita tak bantu dia, dia pun hanyut.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia bukan kira fikirkan FELCRA itu. Untuk seluruh negara.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Yang kita perkenalkan YB— yang kita perkenalkan sawah berskala besar.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang FELCRA ada getah, kelapa sawit kan?

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dijual kepada FELCRA *direct*. Tetapi FELCRA itu kena diurus dengan baiklah. Maksud saya, peringkat nasional.

Datuk Azman bin Mahmood [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Ya, apa yang YB cadang itu apa yang kita dah buat dalam sawah berskala besar Smart SBB yang ala Sekinchan ini lah. Sama konsep, lebih kurang YB. Maknanya, kita kurangkan *direct* kilang, dengan pesawah *direct*. Maknanya, itu salah satu konsep kita nak kurangkan—*eliminate* orang tengah dan meningkatkan hasil. Itu yang paling penting.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih Datuk KP. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sebenarnya ada satu prosiding lagi berkenaan padi iaitu sebenarnya kita boleh sambung perbincangan kita hari ini pada hari lain.

Jadi, saya ucapkan terima kasih Yang Berbahagia Datuk TKSP Pelaburan MOF Datuk Dr. Shahrazat, Yang Berbahagia KSU KPKM Yang Berbahagia Datuk Ketua Pengarah. Untuk pengetahuan, kita sebenarnya masih mempunyai prosiding pengurusan penanaman padi. So, kita baru ada satu prosiding dan PAC akan ada prosiding bersama NAFAS pada 26 Mac 2024. Selepas itu, PAC akan mengadakan

lawatan kerja ke Gurun dan Alor Setar bagi meninjau Kilang Baja NAFAS dan MADA pada 20 dan 23 April.

PAC juga mahu mengadakan lawatan SSP ke Sekinchan dan mohon KPKM mencadangkan tarikh yang sesuai untuk PAC melawat SSP di Sekinchan dan kawasan yang berdekatan yang menggunakan model yang sama. Harap dapat berhubung dengan Sekretariat PAC untuk tujuan ini.

Saya berharap KPKM dapat memberikan kerjasama penuh kepada PAC dalam prosiding ini walaupun isunya lebih kurang sama dengan tajuk hari ini jugalah. Kalau tak ada apa, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang, isu padi ini ada lagi. Okey, kita akan sambung untuk tajuk yang akan datang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Yang Berhormat, sementara kita nak masuk bulan Ramadhan ini, BERNAS akan bagi beras satu kampilah pada ahli-ahli. *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih dan selamat berpuasa kepada kawan-kawan beragama Islam. Juga minta Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh Datuk Wira Kubang Pasu, YB Kubang Pasu jangan tinggalkan majlis terlebih dahulu. Kita bincang lima minit, lima minit, lima minit. Ahli-ahli ex officio dan pegawai kementerian, terima kasihlah. Kita jumpa esok.

[Mesyuarat tamat pada pukul 5.03 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my